

INFOKUS UMT

MAC 2015 | Bil. 50
www.umt.edu.my



Amanat Tahun 2015
Naib Canselor UMT

Kenali TNCA Baharu
UMT

Menteri Pendidikan II
Lancar Kerjasama
Strategik IPTA-IPTS

*Buku Keropok Lekor
Terengganu*
Menang Anugerah
Buku Negara

UMT Kaji dan Kesan
Urus Banjir

ISSN 1675-2139



9 771675 213002

Sidang Redaksi

Penaung

YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo

Penasihat

YBhg. Prof. Dr. Mohd. Effendy Abd. Wahid

Ketua Pengarang

Prof. Madya Dr. Noraien Mansor

Editor

Rabil Sitta Abdul Rahman
Mohd Izham Mohd A. Wahid
Harisom Anida Musa

Pereka Grafik

Mohd Fadli Abdullah

Jurufoto

Mokhtar Ishak
Muhamad Adli Hashim
Krew Produksi



Kandungan

4 Amanat Tahun Baharu 2015 Naib Canselor UMT
Mengungguli Kecemerlangan, Meneroka Lautan Biru

14 Mengenali Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa) UMT

22 Kerjasama Antarabangsa UMT
dalam Program Sains Perikanan

26 CDRS Kaji Kesan dan Kaedah Urus Bencana Banjir

30 Banjir Antara Bencana dan Hikmah

36 Menteri Pendidikan II
Lancar Kerjasama Strategik IPTA-IPTS

40 Ekspedisi Sainifik UMT Siri I- Selat Melaka 2015

Buku *Keropok Lekor Terengganu*
Menang Buku Umum Terbaik Anugerah
Buku Negara

46 Forensik Banjir
Naib Canselor UMT Menyusuri Sungai Kelantan

47 Renungan



Secangkir Kata

*Kabur malam indah melata
Pipit terbang mengukas kota
Ku hulur salam madah dan kata
Ku titip ruang pengulas bicara*

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia. Syukur Alhamdulillah kerana kita masih diizinkan-Nya untuk bertemu dalam INFOKUS UMT edisi MAC 2015. Masih belum terlambat untuk sidang redaksi menghulurkan ucapan “Selamat Tahun Baharu” dan “Selamat Tahun Baharu Cina” untuk seluruh warga pembaca setia dan rakyat Malaysia.

Tahun baharu kembali menyapa menjanjikan seribu harapan, seribu cabaran dan seribu kejayaan untuk kita meneroka menggapai impian. Tahun 2014 meninggalkan kita dengan seribu kepahitan yang sukar untuk kita mendepaninya, kepahitan global yang mengukir nama Malaysia di pentas dunia. Musibah banjir yang boleh ditafsirkan sebagai tsunami kecil membawa seribu persoalan yang menghimpun seribu hikmah daripada Yang

Maha Esa...di sinilah ujian untuk kita semua untuk mengukuhkan solidariti antara satu sama lain... Namun apa jua pengalaman yang telah kita rasai, yang sedang kita rasai dan yang akan kita rasai sudah pasti akan mematangkan diri kita sebagai insan yang amat kerdil di muka bumi ini. Sebagai hamba-Nya, kita redha dengan ketentuan Ilahi dan akan sentiasa berusaha sedaya upaya untuk menghimpun kebaikan dan bangkit menghadapi setiap cabaran yang menerpa. Mungkin akan tiba kenikmatan yang sukar digambarkan setelah lautan igauan kita harungi dengan penuh ketabahan dan ketakwaan. Sebagai insan biasa kita hanya mampu merancang dan Allah yang menentukan segalanya...hanya doa menjadi taruhan dan semoga kita sentiasa dilindungi-Nya untuk meniti kehidupan di sepanjang tahun 2015.

PROFESOR MADYA DR. NORAIEN MANSOR

AMANAT

TAHUN BAHARU 2015

NAIB CANSOLOR UMT

Mengungguli
Kecemerlangan

Meneroka
Lautan Biru





Syarahannya 100 hari Naib Canselor, disusuli dengan Syarahan Tahunan 2013 dan 2014 telah membawa anda berfikir dan bertindak sebagai sebuah pasukan - bagaimana untuk memantapkan hala tuju, menyediakan pelan strategik, mengukuh keyakinan bersama dan melaksanakan perubahan untuk membawa UMT ke destinasi kecemerlangan. Penghayatan terhadap paradigma baharu - transformasi ke arah kecemerlangan perlu diterapkan ke sanubari setiap warga UMT, khususnya dalam kalangan Pemimpin Akademik. Anda perlu menjadi 'agen perubahan' membawa bersama bakat akademik muda, staf profesional dan sokongan menuju ke destinasi kegemilangan berpandukan Pelan Strategik 2013 - 2017. Semua program transformasi perlu dilaksanakan secara berterusan dengan hati terbuka demi kepentingan institusi dan warganya.

Saya ingin melihat iltizam membudayakan perancangan strategik dijadikan pegangan semua warga dan aktiviti melaksanakan pelbagai projek menjadi sebahagian daripada tanggungjawab dan cara bekerja kita. Kunci kejayaan bagi melonjakkan UMT ke dunia kecemerlangan ialah pegangan dan kepercayaan kepada Nilai Teras UMT sebagai nilai sepunya seluruh warga kampus - ahli akademik, staf profesional dan sokongan, dan pelajar. Lima nilai teras yang telah dipersetujui bersama iaitu ghairah kepada kebenaran; mengejar kecemerlangan; memperkasa kepimpinan akademik; menghormati kepelbagaian keserakanan; dan menyemai kecintaan alam, haruslah terjelma dalam semua tindak tanduk dan aktiviti kita.

Pencapaian 2014

Sebagai sebuah universiti yang sedang membangun, bilangan pelajar terus meningkat sebanyak 6.2% iaitu berjumlah 9,545 orang berbanding tahun 2013. Pelajar pascasiswazah menunjukkan peningkatan yang tinggi iaitu 9.1% berbanding tahun sebelumnya.

Untuk program pengajian, UMT telah mengemaskini kursus Teras Universiti (TU) dan Elektif Universiti (EU) supaya ia dapat memberikan

“Pencapaian paling cemerlang diraih UMT pada tahun 2014 ialah meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran melalui penarafan SETARA oleh MQA. Pada tahun ini kita telah memperoleh Tier 5 (cemerlang) berbanding Tier 4 (sangat baik) pada penilaian sebelumnya. Kita telah berjaya meningkatkan sistem governans, proses pengurusan dan kualiti bakat akademik P&P dengan ketara.”

impak positif kepada gagasan pembelajaran liberal (holistik), dan menempatkan semuanya di Pusat Pendidikan Asas dan Liberal (PPAL). Kita juga telah memperkasa kursus kokurikulum (termasuk kursus beruniform), dan menempatkan kursus ini di bawah Jabatan Seni Kreatif dan Sains Rekreasi.

Pencapaian paling cemerlang diraih UMT pada tahun 2014 ialah meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran melalui penarafan SETARA oleh MQA. Pada tahun ini kita telah memperoleh Tier 5 (cemerlang) berbanding Tier 4 (sangat baik) pada penilaian sebelumnya. Kita telah berjaya meningkatkan sistem governan, proses pengurusan


dan kualiti bakat akademik P&P dengan ketara, bagaimanapun, usaha yang berterusan masih perlu dilakukan bagi meningkatkan kualiti graduan dan tahap kepuasan mereka. Ini meliputi meningkatkan prasarana dan inovasi pendidikan, serta menyediakan ekosistem kampus yang mesra pelajar.

Kerajaan telah menentukan tahap kebolehpasaran graduan pada tahap 80% untuk semua IPTA di Malaysia. UMT sebagai sebuah universiti yang diamanahkan untuk memberi fokus kepada ilmu kelautan dan sumber akuatik, perlu mempelbagaikan program bagi memenuhi aspirasi negara menerajui sektor maritim dan industri berasaskan sumber marin.

UMT telah memberikan tumpuan yang tinggi untuk memperkasa penyelidikan dalam kalangan bakat akademik muda. Pada tahun 2014, kita memperoleh 124 projek penyelidikan bernilai RM10.6 juta merupakan pencapaian tinggi, menjadikan sebahagian besar ahli akademik berjaya mengetuai sekurang-kurangnya sebuah projek penyelidikan. Suatu yang membanggakan pada tahun 2014 ialah UMT berjaya meningkatkan perolehan geran swasta sebanyak 170% berbanding tahun sebelumnya.

Inovasi ilmu yang mudah diukur untuk menilai prestasi penyelidikan ialah penerbitan ilmiah dalam jurnal berwasit. UMT telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan melebihi sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pada tahun 2014, kita telah berjaya menerbitkan sejumlah 565 artikel dalam jurnal berwasit, dan 76% daripadanya adalah dalam jurnal terindeks.

Keupayaan dan kecemerlangan akademik sesebuah universiti lazimnya ditentukan oleh kekuatan dan kepelbagaian bakat akademik yang mendokongnya. Sehingga akhir 2014, ahli akademik aktif di UMT berjumlah 441 orang, di mana 29 (6.6%) adalah Profesor (akademik kanan), 69 (15.6%) Profesor Madya



Geran Penyelidikan 2010 - 2014

(akademik pertengahan), dan 343 (77.8%) terdiri daripada Pensyarah (akademik muda). Sementara bakat akademik berkelulusan PhD terus meningkat setiap tahun, kini berada pada tahap 75% jauh melampaui sasaran KPM.

Pemeriksaan Bakat

Jika UMT berhasrat dikenali dan disanjung sebagai institusi pengajian tinggi terbilang, kita perlu meneruskan usaha menyuburkan iltizam Akademik Berbudaya Cemerlang (ABC). Usaha memperkasa bakat perlu dilaksanakan secara berterusan dan dengan perancangan yang berstrategi. Saya syorkan Peraga Pembangunan Bakat yang berasaskan pembangunan sendiri diamalkan oleh semua warga akademik UMT.

Sepanjang tahun 2014, tumpuan telah diberikan kepada pengurusan pembangunan bakat merangkumi memperkemas dasar, garis panduan (kriteria) dan sistem pengurusan program cuti belajar, pengambilan bakat akademik muda, kepimpinan pengajaran

“Jika UMT berhasrat dikenali dan disanjung sebagai institusi pengajian tinggi terbilang, kita perlu meneruskan usaha menyuburkan iltizam Akademik Berbudaya Cemerlang (ABC).”

dan penyelidikan, serta proses kenaikan pangkat. Penilaian prestasi tahunan dan prestasi sumbangan akademik telah diperkemas dengan mengambil kira lima peranan utama akademik iaitu pengajaran, penyelidikan, inovasi, kepimpinan dan pembangunan bakat (kendiri).


Pembangunan sistem e-Bakat sebagai pangkalan data terintegrasi ahli akademik masih perlu diperkukuh dan dibudayakan. Pada tahun 2015, saya mengharapkan sistem e-Bakat berjaya dimantapkan dan digunapakai sepenuhnya. Tanggungjawab melengkapkan maklumat aktiviti dan sumbangan akademik terletak pada setiap ahli akademik, sementara pemantauan kesahihannya perlu dilakukan

oleh pihak pengurus akademik institusi. Maklumat ini perlu dijadikan asas dalam semua aktiviti pemeraksanaan bakat, meliputi urusan penilaian tahunan, kenaikan pangkat, pemberian ganjaran dan penganugerahan.

Pembangunan bakat akademik perlu diujarkan dengan perkembangan program pengajian. UMT perlu menyediakan pakar bidang dan sub-bidang untuk setiap kursus teras yang ditawarkan kepada pelajar. Untuk memastikan objektif ini dicapai, PPBA perlu melaksanakan perancangan pemetaan bakat (atau bidang kepakaran). Pada peringkat awal, pemetaan perlu dilakukan berasaskan kepada kepelbagaian kursus yang menyokong program pengajian sedia ada. Tahap kedua melibatkan program pengajian yang bakal dilaksanakan sepanjang lima tahun akan datang. Selepas semua keperluan dipenuhi, pemetaan bakat boleh ditumpukan kepada perancangan peralihan (*succession planning*) bagi menggantikan bakat akademik kanan yang telah berusia melampaui 50 tahun.

Pada tahun 2015 dan seterusnya, saya ingin melihat tumpuan diberikan kepada pembangunan bakat akademik dan pemeraksanaan kesarjaan. Dalam konteks pembangunan bakat, kita perlu memberikan tumpuan kepada meningkatkan kemahiran 4M - Menyelidik, Menulis, Mengajar dan Menyelia. Kemahiran 4M aras tinggi diperlukan oleh setiap bakat akademik muda sebagai asas untuk membolehkan mereka menjalankan fungsi utama secara berkesan.

Mulai tahun ini, lebih 75% ahli akademik UMT memiliki ijazah PhD, ini telah jauh melampaui sasaran negara. Soalnya, apakah kita telah memiliki ahli akademik yang kukuh kesarjaannya, yang disanjung kewibawaannya, dan yang dikenali kepakarannya di tahap kebangsaan dan global? PPBA dengan kerjasama Pusat Pengajian dan Institut Penyelidikan, boleh memulakan



Peraga Pembangunan Bakat Akademik

beberapa projek untuk menggilap dan memperkasa bakat akademik.

Dalam Syarahan 2014, saya telah tegaskan pemerksaan staf profesional dan sokongan perlu diberikan perhatian serius, khususnya dalam meningkatkan kemahiran, sikap positif dan keupayaan untuk *multi-tasking*. Usaha ini perlu dilaksanakan melalui program latihan berteraskan kemahiran dan pembangunan kerjaya. Satu inisiatif baharu yang perlu diberikan perhatian ialah keperluan latihan kemahiran *multi-tasking* untuk staf sokongan. Pejabat Pendaftar perlu mengukuhkan unit Latihan Kompetensi Staf Sokongan (LKSS) yang diberikan peranan untuk merancang dan menyelaras keperluan latihan setiap staf profesional dan sokongan. Unit ini juga boleh diberikan mandat untuk mentadbir keperluan mengendalikan penilaian prestasi tahunan komponen modal insan ini.

Transformasi Akademik

Pusat pengajian adalah institusi utama bagi melaksanakan fungsi teras universiti iaitu pendidikan formal dalam bidang kepakaran dan kemahiran aras tinggi. Ini meliputi pengajian program diploma, prasiswazah dan pascasiswazah. Pada tahun 2015 merupakan masa yang tepat untuk mengukuhkan program pengajian sedia ada, khususnya program prasiswazah, terutamanya bagi memastikan ia memenuhi korpus ilmu yang diperlukan, relevan dengan keperluan negara, dan dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Dalam konteks program prasiswazah antarabangsa, walaupun saya meletakkan sasaran 2014, satu program bagi setiap pusat pengajian, kita berjaya memperkenalkan dua program pengajian iaitu *Bachelor of Applied Science (Maritime Technology)* dan *Bachelor of Accountancy*. Setiap pusat pengajian perlu meneruskan usaha strategik yang mempunyai

“Pada tahun 2015 merupakan masa yang tepat untuk mengukuhkan program pengajian sedia ada, khususnya program prasiswazah, terutamanya bagi memastikan ia memenuhi korpus ilmu yang diperlukan, relevan dengan keperluan negara, dan dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan.”

kepentingan berganda ini, sekurang-kurangnya bagi memenuhi sasaran 5% pelajar prasiswazah antarabangsa. Sebahagian besar daripada program Sarjana (mod kursus atau campuran) boleh dibangunkan secara pantas, bersifat luwes, dan boleh terus dilaksanakan sebaik sahaja mendapat kelulusan Senat.

Program pascasiswazah secara penyelidikan (Sarjana dan PhD) telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan. Pada tahun 2014, UMT telah berjaya menghasilkan 25 orang graduan PhD dan 112 orang graduan berijazah Sarjana. Begitupun, kita masih perlu melakukan beberapa penambahbaikan bagi meningkatkan peratusan ‘bergraduasi pada masa’ (GoT) dan kualiti tesis. Kita perlu melihat program pascasiswazah (penyelidikan) sebagai keterusan program penyelidikan institusi. Penentuan tajuk penyelidikan perlu dijangka dengan kepelbagaian bakat akademik (pakar) dan hala tuju penyelidikan pusat pengajian/institut penyelidikan. Hubungan penyelia dan pelajar seharusnya berkonsepkan berguru dengan Malim (mentor - mentee), dan penyeliaan berpasukan hanya dilakukan untuk penyelidikan yang bersifat multi-disiplin. Saya syorkan, program pascasiswazah (penyelidikan) diurus oleh Timbalan Dekan/Pengarah (Bakat dan Penyelidikan) bagi memastikan aktiviti penyelidikan siswazah menepati agenda penyelidikan di pusat pengajian/institut penyelidikan.

Transformasi Penyelidikan dan Inovasi

Pada tahun 2015, kita perlu meneruskan agenda Transformasi Penyelidikan dan Inovasi (P&I) pada tahap yang lebih strategik. Kita perlu menghidu bakat ‘pemimpin muda penyelidikan’, khususnya mereka yang baru sahaja meraih ijazah PhD dalam pelbagai bidang kepakaran, dan membimbing mereka mencari hala tuju yang tepat. Usaha penyelidikan dan menghasilkan penerbitan yang berterusan selepas memperoleh PhD merupakan kebijaksanaan yang menjadikan keserakanan mereka diterima oleh keserakanan. Oleh itu, sebagai ahli akademik muda, carilah ke mana akhirnya suatu pengembaraan akademik anda atau *end in mind*. Dalam konteks ini, mendekati mentor, mengenali ruang dan peluang, serta iltizam menyumbang kepada UMT dan negara, perlu dijadikan asas memulakan langkah pengembaraan ini. Jika bertekad menyumbang bersama UMT; lautan biru di Pentas Sunda adalah gelanggang penerokaan anda.

Untuk memantapkan penyelidikan berasaskan kumpulan, kita telah memperkemas peranan *Special Interest Group (SIG)* atau *Research Interest Group (RIG)* sebagai peneraju penyelidikan nic (fokus) berimpak tinggi. Pada tahun 2015, kita akan memulakan penilaian prestasi kumpulan dan dana galakan sebanyak RM25,000 per tahun dan hanya akan diteruskan kepada SIG yang aktif.

Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) sebagai *Higher Education Centre of Excellence (HiCoE)* mempunyai tanggungjawab besar untuk menjayakan agenda negara dalam penyelidikan berasaskan ilmu Sains Marin. Masanya telah tiba untuk INOS memberikan tumpuan kepada penyelidikan berimpak tinggi. Tumpuan kepada isu Oseanografi, Mamalia Marin Terancam dan Governan Kelautan

perlu dimantapkan, dan output penyelidikan untuk pembangunan negara dihasilkan. Saya mengesyorkan INOS membimbing dan membangun bakat penyelidik Sains Marin negara, khususnya mereka yang berada di Pusat Pengajian di UMT. Kita perlu mengangkat citra INOS supaya sentiasa dilihat sebagai institusi penyelidikan kelautan bertaraf kebangsaan dan terunggul di Pentas Sunda.

Institut Bioteknologi Marin (IBM) perlu memantapkan penyelidikan berasaskan sumber marin terpilih yang mampu menghasilkan produk bioteknologi berpotensi tinggi bagi pembangunan inovasi teknologi. Institut Akuakultur Tropika (AKUATROP) pula perlu melaksanakan penyelidikan yang dapat membantu meningkatkan keupayaan ekonomi komuniti nelayan di Pantai Timur berasaskan pendekatan inovasi sosial. Untuk menyemarak penyelidikan multidisiplin (terintegrasi) dalam sektor kelautan dan sumber akuatik, UMT telah memperkenalkan konsep Kluster Penyelidikan. Pemilihan enam Kluster Penyelidikan: Sains Marin dan Oseanografi; Perikanan Tropika dan Akuakultur; Bioteknologi dan Biobahan Marin; Komuniti Persisiran dan Kepulauan; Teknologi dan Pengurusan Maritim; dan Ekosistem Tasik dan Kepelbagaian Biologi Tropika adalah berasaskan kekuatan sedia ada, nic UMT dan peluang peneraju masa hadapan.

Pelantikan seorang Malim untuk mengetuai setiap kluster, penting untuk memastikan lonjakan berwawasan. Tugas Ketua Kluster ialah untuk merancang, membimbing akademik muda dan membangun strategi untuk mencapai objektif menghasilkan output berimpak tinggi dan mengekalkan kelestarian penyelidikan. Mereka akan diberikan mandat untuk menyaring semua cadangan penyelidikan untuk mendapatkan dana, dan menilai kualiti laporan yang dihasilkan. Mulai tahun 2015, semua cadangan

“Pada tahun 2015, kita akan memperkenalkan satu lagi penyelidikan Flagship baharu iaitu ‘Pembangunan Geopark Kenyir: Warisan, Kelestarian Sumber dan Penghidupan Komuniti’. Geopark merupakan wawasan berinovasi untuk membangun wilayah terpinggir daripada perspektif pembangunan lestari.”

penyelidikan oleh ahli akademik UMT, perlu disaring oleh Ketua Kluster bagi memastikan kualiti dan objektif penyelidikan memenuhi bidang tujuan universiti.

Pada pertengahan tahun 2014, kita telah memperkenalkan Penyelidikan *Flagship* bertajuk ‘Pembangunan Ekosistem Setiu: Pemuliharaan, Kelestarian Sumber dan Kesejahteraan Komuniti’ bertujuan membina budaya penyelidikan multidisiplin berkumpul berpandukan tujuan UMT. Projek *Niche Research Grant Scheme* (NRGS) 2014 - 2018 akan dijadikan asas untuk menjayakan program ini. Definisi Ekosistem Setiu telah diperluaskan meliputi Tanah Bencah Besut, Setiu dan Merang; dan dua entiti baharu yang dikenali sebagai Kepulauan Setiu dan Laut Setiu. Rantau ini bakal menjadi gelanggang penerokaan ilmu untuk seluruh warga UMT. Pada tahun 2015, kita akan melancarkan projek ‘Mengasuh Penyelidik Muda (*Nurturing Young Researcher*)’ di mana seramai 130 pelajar prasiswazah dari 26 Program Pengajian, melibatkan dana sebanyak RM200,000 akan terlibat untuk menjayakan aktiviti ini. Timbalan Naib Canselor (HEPI) telah diberikan mandat untuk menyelaras dan memantau pencapaian penyelidikan penting ini.

Pada tahun 2015, kita akan memperkenalkan satu lagi penyelidikan *Flagship* baharu iaitu ‘Pembangunan Geopark Kenyir: Warisan, Kelestarian Sumber dan

Penghidupan Komuniti’. Geopark merupakan wawasan berinovasi untuk membangun wilayah terpinggir daripada perspektif pembangunan lestari. Penyelidikan akan ditumpukan kepada pemuliharaan warisan tabii, membangun produk pelancongan alam, dan meningkatkan sosioekonomi komuniti setempat. Kita akan bekerjasama dengan Kerajaan Terengganu dan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia untuk memperkenalkan potensi geopelancongan Tasik Kenyir sebagai sebuah geopark kebangsaan, dan seterusnya diangkat sebagai UNESCO *Global Geopark*. Pada tahun ini, UMT akan memperuntukkan RM250,000 dana galakan penyelidikan bagi warga yang berminat untuk membuat kajian di Tasik Kenyir.

Memperkasa inovasi sosial perlu dijadikan agenda kritikal sekiranya kita beriltizam menjayakan wawasan UMT untuk masyarakat. Mulai tahun 2015, kita perlu menjadikan aktiviti inovasi sosial sebahagian daripada penyelidikan tindakan yang diketuai oleh Dekan/Pengarah dan dijadikan sebahagian daripada Indeks Pengukur Prestasi (KPI) institusi.

Transformasi Pelajar

UMT telah memperkenalkan Kerangka Pembangunan Holistik Pelajar yang memberikan penekanan kepada mengimbangi keperluan pembelajaran sepanjang hayat, pembangunan kepimpinan pelajar, dan membina alumni unggul. Dalam konteks pembelajaran sepanjang hayat, tumpuan akan diberikan kepada pendidikan asas dan liberal untuk membina keyakinan diri, pembangunan insaniah, kemahiran berkomunikasi dan amalan budaya cemerlang. Pembangunan kepimpinan digerakkan melalui pembangunan sendiri, keusahawanan, kepimpinan persatuan dan kelab, dan aktiviti sukarelawan. Sementara pembinaan alumni unggul digerakkan melalui

pelbagai pendedahan dan aktiviti untuk menanam semangat berbakti dan cinta kepada ilmu dan UMT.

UMT telah melaksanakan agenda pendidikan liberal untuk menghasilkan graduan berorientasi syumul (holistik) melalui penubuhan Pusat Pendidikan Asas dan Liberal (PPAL). Pada tahun 2015, saya syorkan PPAL memulakan beberapa inisiatif baharu berikut:

- a. Mewujudkan sebuah Pusat Pembelajaran Bahasa Inggeris (ELC) yang berfungsi untuk meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris dalam kalangan para pelajar UMT. Inisiatif ini perlu disejajarkan memandangkan kerajaan telah memperkenalkan dasar baharu iaitu penilaian kemahiran berbahasa Inggeris untuk pelajar yang akan bergraduasi. Sebagai langkah proaktif, ELC juga boleh bertindak seperti 'British Council' Pantai Timur, menawarkan pelbagai program kemahiran berbahasa Inggeris untuk staf profesional dan sokongan, dan pegawai agensi kerajaan atau swasta dalam sekitaran PSH; dan
- b. Mewujudkan Pusat Inovasi Akademik (PIA) yang berfungsi

“Matlamat akhir pendidikan ialah menghasilkan graduan minda kelas pertama, berfikiran syumul dan warga yang dihormati.”

sebagai pusat pembelajaran informal (kursus pendek, bengkel dan seminar) yang memberikan tumpuan kepada meningkatkan kemahiran 4M dan pelbagai inovasi dalam pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan untuk pembangunan kemahiran bakat akademik. Inisiatif ini bukan sahaja untuk pembangunan ahli akademik UMT, tetapi perlu bekerjasama dengan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) untuk menjadi pusat latihan akademik terpilih di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Kita perlu memberikan perhatian kepada pembangunan kepimpinan pelajar daripada perspektif yang lebih luas. Ini meliputi kepimpinan ilmu, keusahawanan, komuniti dan politik. Fungsi Pusat Pembangunan Holistik Pelajar (PPHP) boleh dinilai kembali, diujarkannya untuk memenuhi hasrat baharu ini. Saya mengesyorkan


penjenamaan semula PPHP kepada Pusat Kepimpinan Pelajar (PKeP) dan peranannya ditumpukan kepada usaha membimbing dan menggalak pembangunan kepimpinan melalui pelbagai aktiviti berpersatuan. PKeP juga boleh menjalankan fungsi berkaitan dengan semua aktiviti pembangunan keusahawanan pelajar.

Pusat Pembangunan Alumni dan Keusahawanan (CADE) perlu memberikan fokus yang tinggi kepada membina alumni unggul, dan pusat ini dijenama semula sebagai Pusat Alumni Unggul (ALUMNI). Ia perlu memberikan tumpuan kepada menyediakan pangkalan data alumni yang terkini, menjalankan pelbagai aktiviti untuk memupuk semangat cinta dan cakna UMT daripada kalangan siswazah sedia ada, dan menggerakkan gagasan alumni berbakti melalui inisiatif Endowmen Alumni dan Alumni Turun Padang.

Matlamat akhir pendidikan ialah menghasilkan graduan minda kelas pertama, berfikiran syumul dan warga yang dihormati. Untuk masa hadapan, UMT perlu memberikan tumpuan kepada menghasilkan graduan warga global. Mereka perlu didedahkan kepada wawasan Komuniti ASEAN dan Komuniti Dunia.

Transformasi Kelestarian Kewangan

Bagi mengharungi cabaran masa hadapan yang dinamik dan mengurangkan kebergantungan kepada geran kerajaan, UMT perlu memulakan proses Transformasi Kelestarian Kewangan berasaskan model kewangan yang berpandangan jauh. Model Kelestarian Kewangan (MCK) UMT memberikan perhatian kepada mempelbagaikan pendapatan melalui tiga sumber utama iaitu geran kerajaan, sumber dalaman dan endowmen (sumbangan masyarakat), dan pertumbuhannya berasaskan keupayaan pada tahun 2015, dan sasaran tahun 2020, 2030 dan matlamat akhir menjelang 2050, UMT boleh mengimbangi kewangan sendiri. Sumber kewangan dalaman



Kerangka Pembangunan Holistik Pelajar

boleh dijana melalui pelaburan dan perniagaan ilmu perlu ditingkatkan sehingga 20% menjelang 2030. Kita perlu bergerak ke arah mempelbagaikan bentuk pelaburan bagi memastikan pulangan yang optimum. Dalam konteks perniagaan ilmu, UMT Jaya Holdings Sdn. Bhd. (UMTJH) telah diberikan mandat penuh untuk merangka pelan perniagaan jangka panjang. Tumpuan perlu diberikan kepada perniagaan berasaskan Perkhidmatan Akademik (PA); berasaskan Pendidikan Sepanjang Hayat (PSH); berasaskan Pemindahan Ilmu (PI) melalui khidmat teknikal dan perundingan; dan berasaskan Inovasi Teknologi (IT) iaitu pengkomersialan produk penyelidikan. Masanya telah tiba untuk UMTJH mengembangkan sayapnya melalui pewujudan anak syarikat perniagaan terfokus (umpamanya, syarikat perundingan) atau perniagaan bersama (JV) dengan rakan kongsi strategik.

UMT masih perlu memantapkan hala tuju program Dana Endowmen yang telah dilancarkan pada April 2013. Pada masa ini kita telah mengenalpasti beberapa bentuk endowmen yang berpotensi dikembangkan. Antaranya ialah Endowmen Staf (ES); Endowmen Alumni (EA); Endowmen Swasta dan Institusi (ESI); Endowmen Penyelidikan dan Inovasi (EPI); dan Endowmen Wakaf (EW). Kita telah membentuk pasukan bertindak untuk membina strategi serta menggerakkan setiap bentuk endowmen ini. Bagi ES, kita telah berjaya menggerakkan 1.6% staf untuk menderma melalui potongan gaji bulanan. Angka ini terlalu kecil dan perlu ditingkatkan melalui pelbagai kempen 'Kami Cakna, Kami Sayang UMT'.

Potensi untuk menggerakkan ES, EA, ESI, EPI dan EW sebagai sumber dana tambahan sangat tinggi. Setiap pasukan bertindak perlu membina strategi yang mantap dan menggerakkan pelbagai aktiviti secara berterusan. Faktor kejayaan kritikal ialah bagaimana dana endowmen ini digunakan untuk meyakinkan para

penderma, mereka telah bersama menjayakan satu usaha memajukan pendidikan anak bangsa yang murni dan istimewa. Mari kita jadikan 2015 sebagai Tahun Endowmen UMT, dan bersama-sama menjayakan pelbagai program endowmen sehingga kita mencapai sasaran 10% daripada dana pengurusan UMT menjelang 2030.

Kewangan UMT akan berganjak dari kebergantungan tinggi geran kerajaan kepada peningkatan pendapatan sendiri sehingga pada kadar 70:30 menjelang 2030. Ini perlu diikuti oleh penstrukturan semula governan kewangan. Jika pada masa ini, pentadbiran kewangan dilaksanakan oleh Pejabat Bendahari berasaskan sistem kewangan kerajaan, kita perlu berubah kepada sistem kewangan

“Masanya telah tiba bagi UMT mewujudkan kepimpinan Ketua Pegawai Maklumat (CIO) yang bertanggungjawab merangka Blueprint Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) UMT dan memantau pelaksanaan hal-ehwal maklumat digital.”

campuran iaitu kerajaan dan korporat. Pada tahun 2015, kita boleh membuat persediaan menstruktur semula Pejabat Bendahari menjadi Institusi Kewangan UMT yang diterajui oleh seorang Ketua Pegawai Kewangan (CFO). Pejabat baharu ini mengandungi dua bahagian iaitu mengurus geran kerajaan (fungsi Bendahari sekarang) dan kewangan korporat. Bahagian Kewangan Korporat akan diberikan mandat baharu untuk menguruskan aktiviti pelaburan, endowmen dan perniagaan universiti. Bahagian ini juga bakal diberikan mandat yang luwes untuk mengurus penggunaan dana hasilan bukan kerajaan berasaskan prinsip korporat.

Transformasi Governan

Bagi menjayakan pengurusan akademik, penyelidikan, pelajar dan modal insan, UMT perlu memantapkan lagi pengurusan teknologi maklumat dan komunikasi berdigital berasaskan pendekatan terintegrasi. Pusat Data Berdigital bakal menjadi sumber rujukan maklumat sahih mengenai urusan pengurusan modal insan, pentadbiran akademik dan hal ehwal pelajar. Ia juga berfungsi sebagai tempat simpanan rekod perjawatan semua warga UMT, merangkumi maklumat peribadi, pembangunan bakat dan penilaian prestasi. Dengan adanya prasarana ini, governan maklumat dapat dilaksanakan dengan ketepatan dan keberkesanan yang tinggi. Masanya telah tiba bagi UMT mewujudkan kepimpinan Ketua Pegawai Maklumat (CIO) yang bertanggungjawab merangka *Blueprint* Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) UMT dan memantau pelaksanaan hal-ehwal maklumat digital. Institusi pelaksana, Pusat Teknologi Maklumat (PTM), Perpustakaan Digital (e-Perpustakaan), Pusat Pembelajaran Digital (e-Pembelajaran) dan Pusat Data Berdigital (e-Data) perlu diurus secara bersepadu di bawah kepimpinan Pejabat Pengurusan Ekosistem Digital (PPED) yang diterajui oleh CIO.

Kita telah menggerakkan transformasi governan tahap pertama iaitu memperkemaskan kerangka organisasi utama. Masanya telah tiba untuk meneliti proses penambahbaikan berasaskan fungsi, saiz optimum dan amalan terbaik. Pejabat Pendaftar perlu meneliti kembali beberapa fungsi asas dan pendekatan penyampaian perkhidmatan secara berkesan. Ini meliputi fungsi mentadbir perjawatan, mengurus pendaftaran pelajar dan menyediakan perkhidmatan kemudahan untuk pengajaran, penyelidikan, pemindahan ilmu dan kesejahteraan warga.



Kita perlu bergerak ke arah Pembangunan Kampus Lestari dan memulakan semua perancangan yang diperlukan. Konsep Kampus Lestari memberikan penekanan kepada pembangunan dan penggunaan ruang secara optimum dan selamat, penjimatan tenaga, prihatin alam sekitar dan mesra pengguna. Tumpuan juga perlu diberikan kepada penghijauan kampus dan sistem pengangkutan bebas karbon. Pada awal tahun 2015, kita akan melancarkan *Blueprint* Kampus Lestari UMT dan menterjemahkan dalam bentuk program, projek dan aktiviti yang boleh dilaksanakan sepanjang tahun 2015, serta perancangan projek untuk RMK-11 (2016-2020).

Penutup Bicara

Jika satu ketika dahulu, universiti diibaratkan sebagai ‘Menara Gading’, kini ia lebih sesuai dikenali sebagai ‘Gedung Ilmu’. Di universiti, ilmu lama dikumpul, ilmu baharu dicari, ilmu disampaikan kepada pelajar dan masyarakat, dan digunakan untuk kemajuan ekonomi dan ketamadunan bangsa. Kita perlu menerapkan kepercayaan, UMT adalah tempat penerokaan ilmu (penyelidikan), menyampaikan ilmu (pengajaran dan pembelajaran), dan penggunaan ilmu (dimanfaatkan oleh masyarakat dan negara). Jika UMT mencari kerelevanan, kita perlu menggerakkan peranan ke-3 dengan lebih berstrategi melalui inovasi teknologi dan inovasi sosial. Kita bukan lagi hak pelajar dan ilmuwan, tetapi telah berkembang menjadi hak komuniti, masyarakat dan pembangunan negara.

Cabaran paling getir yang sedang dihadapi oleh komuniti IPT Awam ialah gelombang globalisasi. Keupayaan, kemajuan dan pencapaian kita diukur oleh masyarakat daripada perspektif global. Bagaimana untuk mengimbangi kehendak kebangsaan dan tuntutan global? Saya pernah sarankan dalam syarahan terdahulu, warga UMT perlu berfikiran global dan bertindak lokal. Dalam konteks ini, kita perlu wujudkan jaringan penyelidikan dan pengajaran antarabangsa yang mantap. Ahli akademik UMT perlu memikirkan

pembangunan ilmu daripada perspektif global, rakan kesepakaran global, dan menetapkan kualiti pada tahap global. Bagaimanapun, dalam bertindak kita harus menyelesaikan persoalan lokal, faedah ilmu untuk komuniti tempatan, dan pembangunan peluang untuk pembangunan negara.

Masanya telah berlalu untuk mencapai kecemerlangan, kita perlu berkerja keras untuk mencari keunggulan. Dalam konteks ini, UMT perlu terus bertekad untuk mencari keunggulan melalui bidang terfokus ‘ilmu kelautan dan sumber akuatik’. Semua kepelbagaian ilmu, dari sains dan matematik, sains sosial dan pengurusan, teknologi dan kejuruteraan, kita perlu menjurus kepada pembangunan sektor maritim, perikanan, dan sumber marin dan persisiran. Inilah lautan biru yang perlu kita terokai untuk mencari keunggulan.

Pada peringkat institusi, kita sedang bergerak ke arah pemantapan pelaksanaan governan dan sistem pengurusan. Seluruh warga UMT perlu memantapkan keupayaan kerjaya melalui amalan Wibawa, Integriti dan Profesionalisme (WIP). Sumbangan kita perlu dihargai oleh rakan dan pelanggan. Jiwa kita sentiasa berpegang kepada prinsip jujur, ikhlas dan amanah, dan kerja kita sentiasa berkualiti dan menepati masa. Jika iltizam WIP berkembang subur, pemantapan institusi akan menyusul secara bersahaja.

**MENGENALI
TIMBALAN
NAIB CANSOLOR
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**



oleh: Prof. Madya Dr. Noraien Mansor | Penerbit UMT



Universiti Malaysia Terengganu telah menerima Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang baharu menggantikan YBhg. Profesor Dr. Noor Azhar Mohamed Shazili yang telah tamat tempoh sebagai TNCA UMT pada tanggal 31 Oktober 2014. YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMT yang baharu pada tanggal 1 November 2014. Memiliki riak wajah yang manis dan sentiasa tersenyum, beliau mempunyai perwatakan yang tegas dan teliti dalam apa juga tugas yang dipertanggungjawabkan. Menurut beliau, tugas sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) merupakan satu amanah dan tanggungjawab yang besar dan mencabar, namun akan beliau laksanakan sebaik mungkin.

YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar berasal dari Kampung Raja, Besut, Terengganu dan dilahirkan pada tanggal 10 Mac 1957. Mula menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Kampung Raja Besut, kepintaran beliau telah membawa beliau meneruskan persekolahan di Sekolah Berasrama Penuh Tun Fatimah. Beliau memperoleh Bachelor of Science (*Physics*) dari State University of New York, Binghamton, USA dalam tahun 1980. Dalam tahun 1982, Dato' Dr. Nor Aieni berjaya menggenggam ijazah sarjana dari University College of Swansea, Wales, UK dalam bidang *Ionization Physics*. Beliau amat taksud dengan bidang fizik dan akhirnya menamatkan pengajian PhD beliau dalam bidang yang sama dalam tahun 1992. YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar mula berkhidmat di UTM bermula tahun 1980 dan kewibawaan beliau dalam pelbagai bidang telah memberi laluan kepada beliau untuk menerima pelbagai pengiktirafan dan sanjungan yang melibatkan anugerah dan penghormatan pelantikan di peringkat nasional dan antarabangsa, antaranya termasuklah sebagai *Management Consultant* dan CEO of ISI Ventures Sdn. Bhd., Timbalan Pengarah Eksekutif Institut Sultan Iskandar, UTM, *National Oceanography and Marine Expert-Capacity Building in Marine Science*, UNICOPLOS-DOALOS, UN New York, USA.

YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar begitu mencintai bidang penyelidikan. Beliau telah menerajui pelbagai projek penyelidikan di samping menjadi penyelidik bersama yang melibatkan jutaan ringgit dalam pengkhususan bidang Kejuruteraan Fizik. Beliau melibatkan diri dalam pelbagai projek penyelidikan di peringkat universiti, nasional dan antarabangsa semenjak tahun 1992 dan masih bergiat aktif sehingga kini. Mana kala dalam bidang

penerbitan pula, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar telah berjaya menghasilkan melebihi 100 penerbitan hasil daripada penyelidikan yang beliau laksanakan.

Kecemerlangan dalam bidang akademik YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, amat terserlah dengan penglibatan beliau dalam bidang pengajaran dan penyeliaan selain daripada penyelidikan dan penerbitan. Beliau juga telah Berjaya menghasilkan graduan PhD dan Sarjana. Beliau juga turut menabur bakti kepada masyarakat melalui ceramah dan syarahan serta khidmat kepakaran beliau bagi menyelesaikan permasalahan yang melanda masyarakat di dalam dan luar negara.

INFOKUS UMT berpeluang menemubual YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar untuk menyelami perasaan dan pandangan beliau berkaitan hala tuju yang bakal beliau terajui dalam akademik dan antarabangsa UTM.

Prof. Madya Dr. Noraien Mansor: Apakah perasaan YBhg. Profesor Dato' apabila dilantik sebagai **Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)** Universiti Malaysia Terengganu?

YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar:

Alhamdulillah. Saya bersyukur dan berasa amat bertuah serta gembira apabila menerima surat lantikan dari YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Surat rasmi pelantikan ini telah diterima bersama surat pemberitahuan dari Yang Berusaha Profesor Dato' Dr. Asma Ismail, Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia yang memaklumkan pelantikan saya sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Malaysia

Kecemerlangan dalam bidang akademik YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, amat terserlah dengan penglibatan beliau dalam bidang pengajaran dan penyeliaan selain daripada penyelidikan dan penerbitan. Beliau juga telah Berjaya menghasilkan graduan PhD dan Sarjana. Beliau juga turut menabur bakti kepada masyarakat melalui ceramah dan syarahan serta khidmat kepakaran beliau bagi menyelesaikan permasalahan yang melanda masyarakat di dalam dan luar negara.

Terengganu (UMT) untuk tempoh tiga tahun mulai 1 November 2014 hingga 30 Oktober 2017. Saya juga amat berterima kasih kepada Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), YBhg. Profesor Datuk Ir. Dr. Wahid Omar dan pihak UTM yang telah bersetuju untuk melepaskan saya ke Universiti Malaysia Terengganu secara pinjaman.

Prof. Madya Dr. Noraien Mansor: Apakah pandangan YBhg. Profesor Dato' terhadap akademik dan pengantarabangsaan di UTM?

YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar:

Penguasaan ilmu secara saintifik bagi penyelesaian permasalahan berkaitan bidang tujahan universiti yang berfokus kepada ilmu kelautan dan sains akuatik bukan sahaja melalui penelitian dan kajian tempatan dan antarabangsa, malah melibatkan penerokaan pembelajaran berinovatif dan pemindahan ilmu baharu pelbagai disiplin yang berimpak tinggi serta berkait rapat dengan keperluan pemegang taruh. Kerjasama strategik global atau glokak adalah landasan bagi membina ilmu

ANUGERAH YANG DITERIMA

- *Gold Medal at the 27th International Inventions Exhibitions, New Techniques and New Products, Geneva, Switzerland for the Construction/Civil Engineering Category (1999).*
- *Gold Medal, World Intellectual Property Organization (WIPO), Geneva, Switzerland, for Best Woman Inventor (1999).*
- *UTM's Discovery Gold Medal Award (1999).*
- *1st Prize, Innovation Award, UTM (2000)*
- *3rd Prize, 13th Khwarizmi International Award from Iranian Research Organization for Science and Technology (IROST) [2001].*
- *National Inventors Award for 1999.*
- *Anak Terengganu Cemerlang (2003).*
- *Special Award "R & D Manufacturing Category" R & D IPTA Expo'05 (2005).*
- *National IP Award, Best Industrial Design (2007).*
- *Tokoh Wanita Terengganu (2008).*



bersepadu kearah pembangunan, penilaian, pengurusan sumber dan pencapaian kelestarian alam sekitar, manakala komunikasi pemindahan ilmu bermanfaat direalisasikan melalui tindakan bersesuaian bagi kepentingan masyarakat sejagat.

Sehubungan dengan ini, UMT mempunyai keunikan dan peluang keemasan untuk menempa nama sebagai universiti terunggul di peringkat serantau dan global di samping relevan terhadap negara dan masyarakat setempat melalui penawaran dan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti dan memenuhi kehendak pemegang taruh.

Pada pandangan saya, jawatan yang melibatkan akademik dan pengantarabangsaan di UMT adalah amat mencabar, namun akan membuka peluang yang terbaik bagi saya untuk menyumbang kepakaran akademik dalam bidang Oseanografi yang saya minati dan menabur bakti kepada Universiti Malaysia Terengganu, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kerajaan Negeri Terengganu dan masyarakat Malaysia amnya.

Pengalaman sebagai ahli akademik dan penyelidik di Fakulti Sains dan Fakulti Kejuruteraan Awam, pengurus Institut Kejuruteraan Pantai dan Lepas Pantai serta Timbalan Dekan Penyelidikan, Harta Intelek, Inovasi, Pengkomersialan, dan Teknousahawan di UTM semenjak 1980 dan juga selaku Pengarah/ Setiausaha Bahagian Direktorat Oseanografi Kebangsaan (NOD) di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada tahun 2008-2014 bagi menyediakan dasar, meningkat keupayaan, merancang, merangka dan menyelaraskan penyelidikan oseanografi dan sains marin di peringkat nasional dan antarabangsa telah memberikan saya semangat dan kekuatan untuk membantu melaksanakan dasar, inspirasi pendidikan negara dan universiti di samping menyediakan

perancangan dan strategi bagi memantapkan pelan transformasi dan rangka strategik yang didokong oleh warga kampus UMT.

Prof. Madya Dr. Noraien Mansor:
Apakah perancangan YBhg. Profesor Dato' untuk akademik dan pengantarabangsaan di UMT?

YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar:

Saya bercadang untuk membantu pengurusan tertinggi UMT mengenali lebih dekat isu-isu penting kualiti, autonomi dan governan bagi akademik dan menangani penyelesaiannya bagi pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran berkesan demi kecemerlangan staf akademik, staf sokongan, siswa siswi dan graduan serta juga usaha ke arah meningkatkan imej nasional dan global UMT. Pemerhatian khusus akan ditekankan terhadap pembangunan dan penilaian program-program serta perkhidmatan selaras dengan Dasar Pendidikan Tinggi Negara termasuklah teras antarabangsa melalui jaringan yang sudah terbina melalui MoU/MoA dan juga yang bakal diusahakan. Sokongan padu dari Majlis Lembaga Pengarah Universiti dan Majlis Pengurusan Universiti, Pejabat Canselori, Pejabat Pendaftar, Pejabat Bendahari dan Pejabat Pembangunan Harta, Pusat-pusat Pengajian dan Insitut serta Jawatankuasa-jawatankuasa saya pengerusikan selaku TNC(AA) adalah disanjung.

1. Pengurusan kecemerlangan Akademik adalah berlandaskan dasar dan perancangan Transformasi Strategik UMT 2013-2017 yang diperkenalkan oleh YBhg. Profesor Emeritus. Dato' Dr. Ibrahim Komoo, Naib Canselor dan pasukan UMT. Beberapa penyelarasan program di peringkat Kementerian Pendidikan (KPM) adalah

Lebih ramai warga UMT yang berkelayakan PhD, staf akademik cemerlang, beretika tinggi, staf sokongan yang berkompeteren serta graduan minda kelas pertama dapat menjamin keupayaan UMT mempelopori bidang ilmu tujahan iaitu dalam bidang kelautan dan sains akuatik, mengghairahkan ekosistem dan hasilnya akan meningkatkan indeks kreativiti dan merencanakan penglibatan pemegang taruh dan rakan kongsi dengan UMT di peringkat komuniti, industri dan di persada antarabangsa.

melalui perwakilan saya di dalam Jawatankuasa TNCRA. Program diluluskan oleh Malaysian Quality Assurance (MQA), dimaklumkan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), diperakui dan diarusperdanakan melalui Jawatankuasa bersama Dekan dan Timbalan Dekan dan Senat. Keharmonian peraturan, etika bagi program berkualiti dan berdaya saing serta mempunyai hubungan industri, mantap dan relevan ditawarkan dari Pusat-pusat Pengajian dan Institut Penyelidikan, dikawal selia secara strategik oleh Pusat Perancangan dan Pembangunan Akademik (PPPA) dan dipastikan penawaran perkhidmatan berkualiti untuk kemasukan pra-pasca siswazah serta graduan melalui Jabatan Pengurusan Akademik (JPA) untuk program-program baharu dan program antarabangsa. Kajian berterusan kebolehpasaran graduan, pembangunan usahawan, latihan industri dan peningkatan *Endowment* dilaksanakan bersama UMT Jaya Holding dan Alumni UMT. Usaha bersepadu menyokong dan mempergiatkan pengumpulan



data dan maklumat, *E-Learning*, *Outcome-Based Learning*, *Blended Mode Learning*, *Massive Open On-line Course (MOOC)*, *Peer-Assisted Mentor-Mentee*, *i-Champion*, *Future Classroom*, *English Learning Centres* dan *English Hub* dengan kerjasama Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (PPDSNZ) dan Pusat Pendidikan Asas dan Liberal (PPAL) serta menjadikan kolej kediaman sebagai pusat pembelajaran kedua. Fokus Program-program akademik UMT adalah bagi

penganugerahan ijazah pra dan pascaijazah di dalam multi-disiplin yang menawarkan kepelbagaian dan pilihan bidang pengkhususan yang fleksibel. Pembangunan Pengajaran dan Pembelajaran (P & P) adalah menjurus bagi kesarjanaan ilmu dan kefahaman mendalam, diadun bagi kemahiran untuk pasaran pekerjaan termasuk *critical thinking*, *problem solving*, kepimpinan, keushawanan dan semangat kerja berpasukan. Rakan industri termasuklah syarikat

berkaitan kerajaan, syarikat maritim, perkapalan, minyak dan gas, perikanan, akuakultur, pendidikan, pelancongan dan badan-badan bukan kerajaan sama ada tempatan mahu pun antarabangsa.

2. Melalui usaha gigih Pejabat BAKAT dan Pejabat Pendaftar, Staf Akademik dan sokongan (*Top-notched staff*) digilap, diketengahkan dan dipertingkatkan keberhasilan akademik, sama ada di dalam sumbangan pengajaran, penyelidikan serta pemindahan

ilmu kepada masyarakat, pemetaan pergerakan staf dan pelajar, program sendiri, peningkatan dan penyelarasan Zamalah atau biasiswa, *Fellowship* serta yuran dan geran yang berkaitan. Projek khas termasuk *Teaching Factory Aquapreneurship* dan Kerjasama IPTA-IPTS iaitu UMT-Taylor's University dan UMT-IPTA (RU) iaitu UMT-USM, UMT-UTM, UMT-UPM, UMT-UKM, UMT-UNISZA serta program khusus kerjaya dan perkhidmatan Pra-Pasca siswazah.

3. Penjajaran program sedia ada dan Pembangunan Program baharu untuk pengantarabangsaan bagi prasiwasazah dan pasca siswazah sama ada melalui kerja kursus atau penyelidikan adalah berdasarkan pemantapan usaha sama sedia ada hubungan dua hala UMT dengan universiti-universiti di Jepun, Australia, Perancis, USA, Jerman, China, India dan Indonesia, termasuklah di bawah program UNESCO-Intergovernmental Oceanographic Commission–International Oceanographic Data Exchange (IODE) Ocean Teacher Training, Tropi Mundo, dan juga melalui rangkaian IOC/WESTPAC, ASEAN (Thailand, Vietnam, Filipina), dan Negara-negara OIC. Tenaga pengajar luar negara akan juga dipertingkatkan, manakala *Post-Graduate* dan *International services Centre* perlu diwujudkan.

Prof. Madya Dr. Noraien

Mansor: Apakah harapan YBhg. Profesor Dato' sebagai Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa di UMT?

YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar:

Harapan saya adalah peluang untuk saya memenuhi ruang keperluan bagi pengukuhan pengurusan organisasi UMT menempa kejayaan dan kegemilangan di peringkat global dan glocal. Kita amat bertuah kerana pada akhir-akhir ini Citra dan Setara UMT sudahpun mula melonjak potensinya untuk menjadi institusi pengajian tinggi unggul yang dihormati, dirujuk dan senantiasa relevan dan lestari.

Secara peribadi saya merasakan, di samping program-program baharu dapat dibangunkan dan dilaksanakan, diharapkan peluang menggunakan pengalaman lepas dalam mengetuai penyelidikan berkumpulan di dalam pelbagai disiplin, selain dari kajian umum Pendidikan Tinggi dan kajian universiti-industri, penglibatan kajian inovasi dengan pihak NOD, MOSTI, UTM, MIGHT, ASM serta *Specialised Interest Group (SIG)* dan INOS di UMT- kejuruteraan lautan terutamanya mengenai Hakisan Pantai, *Ocean Data Management*, *Marine Renewable Energy*, Sains Marin dan Oseanografi, *Blue-Economy*, *Climate Change*, *Sustainable Oceans*, *Coral Triangle Initiative-Fisheries and Food Security* akan terus dipergiatkan. Manakala misi untuk meraih sokongan bagi penghayatan kajian *National Ocean Policy* dan *National Oceanography Institute* juga dapat di perhebatkan. Kertas cadangan mengenai "Marine

Atlas of Terengganu" dan "Kajian Keberkesanan Sistem Taman Negeri Terengganu" diharapkan mendapat perhatian UMT dan kerajaan negeri Terengganu.

Sesungguhnya, penghayatan visi sepunya, penggunaan ilmu pelbagai disiplin secara bersepadu dan inklusif, minda terbuka kepada *Blue Ocean Strategy* diterapkan melalui sesi-sesi perbincangan secara musyawarah, dialog dan *engagement* adalah selaras dengan kehendak pemegang taruh di dalam dan luar kampus. Dilengkapi pula *infra-structure*, *info-structure* iaitu prasarana lengkap dengan sistem dan teknologi bagi penyampaian dan pembelajaran, mengesan dan memperbaiki proses dalam membuat keputusan dan pemantauan serta penerbitan ilmiah yang bermanfaat. Lebih ramai warga UMT yang berkelayakan PhD, staf akademik cemerlang, beretika tinggi, staf sokongan yang berkompeteren serta graduan minda kelas pertama dapat menjamin keupayaan UMT memelopori bidang ilmu tujahan iaitu dalam bidang kelautan dan sains akuatik, mengghairahkan ekosistem dan hasilnya akan meningkatkan indeks kreativiti dan merencanakan penglibatan pemegang taruh dan rakan kongsi dengan UMT di peringkat komuniti, industri dan di persada antarabangsa.

Akhir kata, seluruh warga Universiti Malaysia Terengganu mengucapkan tahniah dan syabas dan mengalu-alukan kehadiran YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang baharu. Semoga UMT akan terus bersinar di bawah teraju YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, Insya-Allah.

KERJASAMA ANTARABANGSA UMT DALAM PROGRAM SAINS PERIKANAN

*oleh: Dr. Wan Mohd Rauban Wan Hussin
Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur*

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menandatangani empat lagi Memorandum Persefahaman (MoU) dengan universiti di Asia pada 2 Disember 2014 untuk penawaran program Sarjana Sains Perikanan dengan jaringan antarabangsa. Program yang dikenali sebagai "Postgraduate Programme (Master) on Tropical Fisheries with International Linkage" ini disertai oleh Kagoshima University - Jepun, Kasetsart University - Thailand, University of the Philippines Visayas - Filipina dan Sam Ratulangi University - Indonesia sebelum kemasukan UMT sebagai ahli ke-5.

Program pengajian antarabangsa ini pada mulanya diilhamkan oleh Profesor Dr. Tatsuuro Matsuoka, Dekan Fakulti Perikanan, Kagoshima University. Program ini bertujuan untuk menyediakan satu sistem pendidikan tinggi dengan peraturan tempatan di samping memenuhi standard global. Selain itu, antara keistimewaan program ini adalah setiap universiti yang menyertainya mempunyai program sarjana masing-masing dengan keunikan tersendiri. Namun, dalam masa yang sama terdapat sebahagian elemen kursus dalam program pengajian yang dikongsi dalam jaringan antarabangsa ini. Dengan ini, pelajar sesebuah universiti yang terlibat dalam jaringan antarabangsa ini perlu mengikuti beberapa kursus yang ditawarkan di mana-mana empat universiti lain sebagai syarat untuk bergraduasi.

Semasa lawatan Profesor Dr. Matsuoka ke UMT pada 3-4 Mac

2014, beliau telah membentangkan kertas konsep dan turut menjemput UMT untuk menyertai program ini. Cadangan penyertaan UMT dalam gagasan program antarabangsa tersebut telah disuarakan dalam mesyuarat program yang ke-3 yang diadakan di Visayas pada 21 – 22 April 2014 yang turut disertai oleh dua orang wakil UMT sebagai pemerhati. Hasilnya kesemua universiti terlibat bersetuju untuk menjemput UMT menyertai program ini. Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo kemudiannya

menghantar surat hasrat kesediaan untuk menyertai program ini, dan memberi tanggungjawab kepada Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur (PPSPA) untuk menawarkan program sarjana sains dalam bidang perikanan sebagai program UMT.

UMT juga telah dijemput untuk hadir ke mesyuarat program yang ke-4 di Kagoshima pada 4-5 Ogos 2014. Antara agenda utama mesyuarat tersebut adalah pertimbangan kemasukan UMT dalam program antarabangsa ini. Dekan PPSPA, Profesor Dr. Mazlan



Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo dan Profesor Tatsuuro Matsuoka menandatangani MoU.



Delegasi bergambar di hadapan bangunan Canselori sebelum mesyuarat bermula.

Abd Ghaffar telah membentangkan maklumat korporat UMT, juga tentang sistem pengajian UMT dan sistem pendidikan tinggi Malaysia. Setelah berbincang, ahli mesyuarat telah secara rasmi bersetuju menerima kemasukan UMT ke dalam gagasan program antarabangsa ini. Mesyuarat juga bersetuju memilih UMT sebagai tuan rumah untuk mesyuarat ke-5 serta majlis menandatangani MoU.

Mesyuarat ke-5 program ini diadakan pada 1 – 2 Disember 2014 bertempat di Bilik Mesyuarat Senat, Universiti Malaysia Terengganu. Mesyuarat ini dihadiri seramai 18 delegasi daripada empat buah universiti dan empat orang wakil dari UMT.

Hari pertama mesyuarat dimulai dengan ucapan selamat datang daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMT, Profesor Dr. Mohd Effendy Abd Wahid yang turut menyatakan rasa terima kasih kepada semua ahli mesyuarat atas persetujuan untuk menerima UMT menyertai gagasan program ini. Selepas itu, mesyuarat dijalankan mengikut agenda-agenda

yang telah ditetapkan. Antara agenda utama adalah pengesahan senarai kursus serta kelayakan pensyarah untuk didaftarkan dalam gagasan program ini. Selepas mesyuarat berakhir para delegasi kemudiannya dibawa melawat makmal dan pusat penetasan AKUATROP dan juga Kompleks Makmal Berpusat.

Mesyuarat pada hari kedua (2 Disember 2014) pula membincangkan tentang bantuan kewangan kepada pelajar untuk mengikuti kursus di luar negara, laporan sistem pendidikan tinggi di negara ahli serta agenda untuk mesyuarat seterusnya. Majlis menandatangani MoU pula diadakan pada jam 2:30 petang bertempat di Hotel Felda Residence, Kuala Terengganu. MoU tersebut telah ditandatangani bersama oleh Naib Canselor UMT, Profesor Emeritus Dato’ Dr. Ibrahim Komoo dan Profesor Dr. Tatsuro Matsuoka selaku wakil kepada ‘Governing Council’ gagasan program antarabangsa ini.

Dalam ucapannya semasa majlis tersebut, Dato’ Naib Canselor telah menyatakan harapan agar

“Semoga program antarabangsa ini menjadi pemangkin untuk dalam meningkatkan citra UMT amnya serta dapat menjadi penyumbang utama dalam memajukan sektor perikanan di Malaysia.”- Ibrahim Komoo

Info

- ❖ Postgraduate Programme (Master) on Tropical Fisheries with International Linkage
- ❖ Dianggotai 5 Universiti Asia
- ❖ Pertukaran pelajar antara universiti

program antarabangsa ini menjadi pemangkin dalam meningkatkan citra UMT secara amnya serta dapat menjadi penyumbang utama dalam memajukan sektor perikanan di Malaysia. Beliau juga menaruh harapan yang tinggi agar program ini dapat dikendalikan dengan baik oleh PPSPA.

Sementara itu, bagi membolehkan UMT menyertai program jaringan antarabangsa ini, PPSPA akan menawarkan program baharu iaitu Sarjana Sains Perikanan Tropika Lestari bermula pada September 2015. Sebahagian pelajar daripada program UMT ini akan dipilih untuk menyertai program jaringan antarabangsa dan mereka akan berpeluang untuk mengikuti beberapa kursus di universiti-universiti terlibat.

Selain itu, memandangkan sistem tahun akademik di Jepun yang berbeza, UMT menjangkakan akan menerima pelajar daripada Universiti Kagoshima pada Jun 2015 untuk mengikuti beberapa kursus secara intensif untuk tempoh 1-2 bulan. Pelajar daripada universiti lain pula dijangka akan mula datang ke UMT pada Oktober 2015.



Sebaik selesai bermesyuarat, delegasi dibawa melawat pusat penetasan AKUATROP.



10 Jan
2015- Menteri Pendidikan II, YB Dato' Seri Idris bin Jusoh diiringi Naib Canselor dan Pegawai-Pegawai Utama UMT membuat lawatan ke kampus UMT bagi melihat sendiri hakisannya di pantai UMT.



29 November 2014- Dari kiri, Penerima Anugerah Pelajaran Diraja, Nurul Arina Raihan Che Azmi, Anugerah Pingat Emas Canselor, Samsuri Abdullah dan Anugerah Pelajaran Diraja, Lim Ying Wei di Majlis Konvokesyen Kali Ke-12 UMT baru-baru ini.



13 Januari 2015- Naib Canselor UMT, Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo bersama Pegawai-pegawai Utama UMT dan wakil Media di Majlis Apresiasi Media 2015 di Pusat Konvensyen Taman Tamadun Islam.



Sebahagian graduan yang bergraduasi merayakan kegembiraan mereka di Majlis Konvokesyen Kali Ke-12 UMT.




Salah seorang graduan cemerlang ini diraikan oleh kaum keluarga.



Sebahagian graduan cemerlang UMT di Majlis Konvokesyen Kali Ke-12 UMT.



Profesor Dr. Terry Hughes, Penerima Ijazah Kehormat Doktor Sains-Ekologi Terumbu Karang di Majlis Konvokesyen Kali Ke-12 UMT.



13 Januari 2015- Naib Canselor UMT, Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo merayakan rakan Media di Majlis Apresiasi Media 2015 di Pusat Konvensyen Taman Tamadun Islam.



CDRS KAJI KESAN DAN KAEDAH URUS BENCANA BANJIR

oleh: Mohd Izham Mohd A Wabid | Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan (PPKK)
Foto: Mokhtar Ishak

Kejadian bencana banjir yang berlaku bukan sahaja meninggalkan kesan yang besar terhadap manusia, tetapi juga telah mengubah ekosistem yang sedia ada dan landskap muka bumi di kawasan yang terjejas. Kesan psikologi dan sosial juga menambahkan lagi kesan lain akibat daripada bencana ini. UMT menyedari hakikat daripada kejadian ini telah mengambil langkah menubuhkan satu kumpulan penyelidikan *Special Interest Group (SIG)* yang dinamakan *Coastal Disaster Risk Solution* atau singkatannya CDRS. Kumpulan ini bergerak dengan hasrat utama untuk memberikan sumbangan yang signifikan terhadap isu ini dengan sokongan data dan hasil penyelidikan jitu yang diperolehi di kawasan yang terjejas.

CDRS telah menjalankan beberapa siri tinjauan dan pengumpulan data di kawasan yang terlibat dengan kejadian banjir pada penghujung November, Disember 2014 dan Januari 2015. Kawasan yang terlibat dalam skop pengumpulan data dan kajian ini termasuklah di sepanjang pesisir Pantai Kuala Terengganu sehingga Kuala Kemaman dan di sepanjang lembangan Sungai Kemaman yang mengalir dari Hulu Kemaman. Kawasan yang paling teruk terjejas di Kelantan juga telah dilawati dengan fokus kajian ditumpukan di kawasan Dabong dan Kuala Krai. Kumpulan penyelidik ini dijangka akan selesai meneliti semua data yang diperolehi dan akan mengemukakan laporan penuh pada akhir April 2015. Usaha ini bukan sahaja mampu memberikan sudut pandangan pakar

terhadap isu bencana banjir, tetapi juga merungkai persoalan yang timbul melalui penemuan daripada kajian dan hasil penyelidikan.

Kumpulan yang diketuai oleh Profesor Ir. Dr. Ahmad Jusoh ini turut melibatkan pakar-pakar seperti Dr. Edlic Sathiamurthy dan Prof. Madya Dr. Mohammad Fadhli Ahmad yang terlibat secara langsung dalam fasa penyiasatan forensik dan pengumpulan data lapangan. Fokus utama CDRS bukan sahaja kepada isu banjir, tetapi juga hakisan pantai terutama kepada jajaran Pantai Timur dan lembangan tebing sungai utama di negeri Terengganu, Pahang dan Kelantan.

Penubuhan CDRS ini mendapat sokongan penuh Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo, dan Timbalan Naib Canselor (Akademik

“Kumpulan penyelidik ini dijangka akan selesai meneliti semua data yang diperolehi dan akan mengemukakan laporan penuh pada akhir April 2015. Usaha ini bukan sahaja mampu memberikan sudut pandangan pakar terhadap isu bencana banjir, tetapi juga merungkai persoalan yang timbul melalui penemuan daripada kajian dan hasil penyelidikan.”



Penyelidik UMT sedang meneliti struktur tanah kesan bencana banjir di Kuala Krai.

dan Antarabangsa) UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aeini Haji Mokhtar, yang turut memberikan mandat kepada kumpulan ini untuk memfokuskan kerja-kerja terhadap bencana banjir dan hakisan pantai. Malah, mereka turut terlibat secara aktif bersama CDRS dalam mengemukakan pandangan teknikal. Selain itu, pakar-pakar luar daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Majlis Profesor Negara (MPN) turut memberikan kerjasama dalam usaha ini.

Menurut Profesor Ir. Dr. Ahmad Jusoh, hasil usaha CDRS yang paling penting ialah untuk mengenal pasti faktor penyumbang utama dan mencari jalan penyelesaian atau langkah pencegahan serta membuat persediaan awal menghadapi musim tengkujuh akan datang. Semua cadangan penyelesaian masalah ini berupaya untuk dibentangkan kepada pihak kerajaan sebagai pandangan teknikal tambahan selain daripada kepakaran agensi kerajaan sedia ada. Selain itu, usaha seumpama ini mempunyai potensi tinggi untuk membida geran penyelidikan yang ditawarkan oleh Kementerian yang mempunyai kepentingan dalam isu ini.

Beliau turut berkongsi pandangan bahawa dalam menghadapi kejadian banjir yang saban tahun melanda Pantai Timur, negeri Terengganu mungkin sedikit bernasib baik. Ini kerana adanya faktor pengawalan oleh Empangan Tasik Kenyir, yang dibina pada tahun 1985, iaitu tasik buatan manusia terbesar di Asia Tenggara yang mampu menakung jumlah air yang besar. Ini kerana reka bentuk takungan tasik ini telah mengambil kira formula taburan hujan seratus tahun ($i100$). Ia dikatakan antara



Salah seorang mangsa banjir di hadapan rumahnya yang telah musnah.



Profesor Ir. Dr. Ahmad Jusoh (paling kanan) bersama penyelidik dan staf UMT yang menjalankan aktiviti forensik banjir di Kuala Krai.



faktor yang mengimbangi kenaikan penerimaan taburan hujan lebat dan faktor pembangunan serta penerokaan tanah baharu. Berbeza dengan Sungai Kelantan yang tidak berupaya menampung kadar taburan hujan lebat ini, ditambah lagi dengan faktor keluasan kawasan penerokaan tanah baharu untuk aktiviti pembalakan dan pertanian. Limpahan daripada sungai-sungai utama menyebabkan kenaikan paras air yang terlampau mendadak sehingga mengatasi peristiwa banjir besar yang berlaku pada tahun

1967. Ini dibuktikan dengan dapatan tinjauan kumpulan ini di pekan Kuala Krai, Kelantan. Komposisi lumpur dan pasir membuktikan berlaku bawaan pelbagai jenis lumpur dan puing dari kawasan pembukaan tanah baharu sehingga ke kawasan pekan atau kediaman penduduk.

Melihat daripada usaha awal ini, mungkin sudah tiba masanya satu kajian terperinci dilakukan terhadap sungai-sungai utama di negeri Pantai Timur. Ini supaya adanya struktur laluan air berkeupayaan

besar yang menunjangi sesebuah pekan atau bandar. Selain itu, tembatan banjir juga perlu dibina di kawasan-kawasan yang paling berisiko atau berkepentingan tinggi. Kaedah pengenalpastian laluan utama sungai dan limpahannya perlu dilakukan supaya keupayaan menampung kadar taburan hujan tinggi mampu mengimbangi semua aktiviti komersial, perladangan, pembalakan, pertanian dan sebagainya supaya tidak mengganggu aliran air semula jadi.



Komposisi lumpur dan pasir membuktikan berlaku bawaan pelbagai jenis lumpur dan puing dari kawasan pembukaan tanah baharu sehingga ke kawasan pekan atau kediaman penduduk.

“Usaha CDRS yang paling penting ialah untuk mengenal pasti faktor penyumbang utama dan mencari jalan penyelesaian atau langkah pencegahan serta membuat persediaan awal menghadapi musim tengkujuh akan datang.”



Kesan banjir masih jelas kelihatan di tingkat 1 bangunan kedai di Bandar Kuala Krai.



Kesan kemusnahan di tebing sungai di sekitar Kuala Krai.



BANJIR

ANTARA BENCANA DAN HIKMAH

oleh: Rabil Sitta Abdul Rahman | Canselori
Harisom Anida Musa | PPDSNZ
Foto: Mokhtar Isbak

Fenomena banjir perkara biasa yang dilalui oleh masyarakat Pantai Timur dan juga kawasan lain di Malaysia. Boleh dikatakan saban tahun, apabila menjelang musim tengkujuh kejadian banjir akan melanda kawasan-kawasan rendah. Bagi warga kampus Universiti Malaysia Terengganu (UMT), tarikh 20 November 2014 pasti tidak akan dilupakan, Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo telah mengisytiharkan cuti darurat. Banjir kilat luar biasa telah melanda kampus UMT dan juga rakan IPTA bersebelahan iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Kejadian banjir yang melanda kampus lebih

dahsyat berbanding peristiwa banjir yang pernah melanda kawasan kampus pada 1 Disember 2008.

Pada banjir gelombang pertama ini, ada juga beberapa kediaman dalam kalangan warga UMT yang dinaiki air. Mereka terpaksa berpindah ke pusat pemindahan selama hampir seminggu. Musibah banjir dihadapi dengan redha meskipun banyak juga barang perabot rumah musnah dan tidak boleh digunakan. Rakan warga UMT sentiasa memberikan sokongan moral kepada kalangan warga yang menjadi mangsa banjir. Selain berpakat menghulurkan bantuan tenaga membersihkan kediaman, kutipan derma juga

telah dilaksanakan. Setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) telah mengutip derma bagi membantu rakan-rakan yang menjadi mangsa banjir. Walaupun musibah banjir melanda, seluruh warga UMT tetap tabah dan redha dengan ujian ini seperti mana kenyataan Naib Canselor UMT dalam kenyataan e-mel rasmi beliau kepada warga UMT, "Banjir adalah fenomena alam, dan rahmat Allah. Ada hikmahnya, kita ditegur oleh peristiwa alam yang boleh membawa bencana. Ambillah iktibar, kita perlu bersatu hati, saling bantu membantu dan sentiasa berniat baik sesama kita. Salam menyambut Pesta Banjir!" (Ibrahim Komoo: 2014)

Tsunami Darat di Manek Urai

Meskipun gelombang pertama banjir yang dihadapi oleh warga kampus UMT selama sehari tersebut telah mengakibatkan kerosakan beberapa kemudahan di dalam kampus tetapi ia tidaklah seteruk impak yang dirasai oleh penduduk Manek Urai, Kuala Krai, Dabong dan Gua Musang, Kelantan yang ditimpa “Tsunami Darat” semasa gelombang kedua banjir yang bermula pada 26 Disember 2014. “Tsunami Darat” atau Bah Kuning yang melanda ini telah menghanyutkan rumah-rumah penduduk di sepanjang Sungai Lebir, Kg. Manek Urai, Kg. Pahi, Kg. Hujong Tanjung dan Dabong, Kuala Krai. Lebih 235,218 mangsa terlibat di seluruh negara dengan telah mengorbankan lebih 21 nyawa iaitu 14 kematian di Kelantan, empat di Terengganu dan tiga di Pahang. Rasa simpati dan sedih bukan hanya dirasai oleh mangsa-mangsa banjir tetapi turut dikongsi oleh seluruh rakyat Malaysia. Pertembungan Sg. Lebir yang melalui Manek Urai dari Taman Negara Kuala Koh dan bertemu dengan Sg. Galas sebelum bersatu dengan Sg. Kelantan. Pertembungan antara sungai-sungai ini telah menyebabkan keadaan banjir menjadi lebih teruk, limpahan air hujan yang melanda selama tiga malam tanpa henti sebanyak 1600mm bersamaan dengan enam bulan hujan di Semenanjung Malaysia. Musibah yang dialami turut mendapat perhatian pemimpin-pemimpin dunia luar. Penyebaran maklumat dan gambar-gambar kejadian bah kuning begitu meluas di media-media utama dan juga media sosial.

Bagi mendalami dan memahami kejadian bah kuning, penulis berpeluang melihat sendiri kesan



Hancur...salah satu rumah mangsa yang dihanyutkan arus bah kuning.



Akibat arus kuat bah kuning Sg. Lebir terpecah dua.



Selut yang mendatangkan bau yang kurang enak masih menebal di salah sebuah rumah mangsa banjir.

kemusnahan yang dialami oleh penduduk-penduduk Manek Urai dan sekitar Kuala Krai pada 9 Januari 2015.

Keadaan trafik ke arah Kuala Krai sesak teruk bermula dari Machang dengan kenderaan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), individu-individu, sukarelawan, pasukan keselamatan dari seluruh pelusuk negara datang menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir. Ada yang

menghulurkan bantuan tenaga dan peralatan bagi mencuci rumah-rumah mangsa-mangsa banjir. Ada yang menghulurkan bantuan makanan, pakaian dan barang-barang keperluan asas kepada mangsa-mangsa banjir. Pada masa ini, semua pihak tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman politik bersatu hati menghulurkan bantuan. Inilah hikmahnya selepas kejadian bah kuning, rakyat Malaysia bersatu hati daripada peringkat pemimpin

negara, ahli politik, ahli perniagaan, pekerja swasta dan juga rakyat biasa. Semuanya hadir menghulurkan bantuan dan memberikan kata-kata semangat kepada semua mangsa banjir.

Tiada kata-kata yang mampu diluahkan melihat rumah-rumah mangsa banjir musnah dihanyutkan arus bah kuning. Memasuki kawasan sekitar Kuala Krai, kelihatan timbunan-timbunan barang mangsa banjir yang musnah di hadapan



Mangsa menunggu agihan bantuan pihak luar di atas jambatan Sg. Lebir.



Adik Aiman bersama ibunya tetap teruja untuk memulakan sesi persekolahan meskipun tanpa pakaian sekolah yang baharu.



Pemandangan rel keretapi di Kuala Krai yang turut dinaiki air.



Mangsa banjir solat di bawah pokok

rumah mereka. Barangan seperti perabot, tilam dan peralatan rumah yang lain sudah tidak boleh digunakan. Kebanyakan penduduk kelihatan sedang giat mencuci rumah dan mengutip mana-mana barang-barang mereka yang masih boleh dibasuh dan digunakan semula. Itu kisah bagi mereka yang masih memiliki rumah. Lain pula ceritanya bagi mangsa yang kehilangan rumah.

Air mata bergengang sendiri dan perasaan sayu melanda, apabila melihat sendiri kemusnahan rumah-rumah penduduk di sekitar Manek Urai dan Dabong. Kesan air banjir masih ketara pada dinding-dinding rumah penduduk dan juga pokok-pokok. Paling menyedihkan, melihat mangsa-mangsa banjir hanya berlindung dalam khemah yang dibina di kawasan rumah mereka yang telah ranap. Terdetik di hati, bagaimanakah mereka tidur di waktu malam dalam keadaan suhu yang semakin sejuk. Ada mangsa menulis di atas kertas tebal maklumat

diri dan barang keperluan yang mereka perlukan untuk meneruskan kelangsungan hidup di hadapan tapak rumah mereka yang musnah. Maklumat sebegini memberi kemudahan kepada pihak-pihak yang datang menghulurkan bantuan.

Kesan selut banjir masih tebal di semua tempat. Kelihatan mangsa-mangsa banjir termasuk kanak-kanak menanti dengan penuh pengharapan di tepi-tepi jalan. Ketika itu, bekalan air dan elektik masih belum berfungsi, mangsa-mangsa ini amat memerlukan bekalan air bersih, lilin, makanan dan pakaian.

Pemberian sedikit buah tangan buat mangsa-mangsa banjir mampu membuat mereka kembali tersenyum. Seorang kanak-kanak mangsa banjir yang dikenali sebagai adik Aiman, kelihatan ceria menerima buah tangan daripada kami. Aiman menyembunyikan kesedihan dalam senyuman cerianya. Adik Aiman begitu teruja untuk memulakan alam persekolahan pada 11 Januari,

tetapi tiada satupun keperluan persekolahan yang beliau miliki. Ramai lagi kanak-kanak sebaya yang mengalami nasib yang sama seperti adik Aiman. Mereka teruja untuk memulakan alam persekolahan meskipun tiada satupun persediaan keperluan persekolahan yang mampu disediakan oleh ibu bapa mereka.

Tabah dan reda

Rata-rata mangsa yang ditemui kelihatan tabah dan reda dengan takdir yang menimpa mereka. Meskipun rumah-rumah mereka hanya tinggal tangga batu atau musnah sama sekali, mereka masih mampu mengukir senyuman dan melayan tetamu-tetamu luar dengan ramah. Mereka tiada rumah untuk dicuci seperti mangsa-mangsa lain, rumah-rumah mereka telah musnah sama sekali. Kejadian yang menimpa mereka persis peristiwa tsunami yang pernah melanda Aceh pada 26 Disember 2004. Kelihatan sisa-sisa



bersebelahan khemah kediamannya.



Mangsa banjir mendirikan khemah di kawasan tapak kediaman mereka yang telah ranap dibawa arus.

runtuhan rumah, pokok-pokok yang tercabut dan tumbang dibawa arus bah kuning di sekitar Kg. Manek Urai Lama. Hanya kesan runtuhan memberikan cerita dan gambaran kesedihan yang mangsa-mangsa banjir ini alami. Ada rumah yang tinggal tiang, ada yang hanya tinggal kolah bilik air, tangga dan dinding-dinding yang ranap menyembah bumi.

Air naik terlalu pantas, ketika kejadian penduduk hanya sempat lari "sehelai sepinggang" menyelamatkan diri di tingkat tiga Sekolah Kebangsaan Manek Urai dan ada di antara mereka lari ke kawasan atas bukit yang berhampiran. Mereka terputus bekalan makanan beberapa hari, sehingga bantuan makanan dapat dihantar kepada mereka.

Sukarelawan UMT

Pelbagai pihak telah tampil menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir. Pihak sukarelawan daripada Institusi pengajian Tinggi Awam seperti UniSZA, UPSI, UM dan UMT tidak ketinggalan membantu. Pasukan sukarelawan UMT di bawah pelarasan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMT, telah menghantar beberapa misi bantuan ke kawasan yang terlibat banjir bermula seawal 27 Disember 2014. Antara misi bantuan awal sukarelawan UMT telah

menghulurkan bantuan di Kepala Batas, Tumpat, Kelantan. Seterusnya pada 5-6 Januari 2015, pasukan sukarelawan UMT yang terdiri dalam kalangan 75 pelajar dan 20 orang staf telah bergerak ke SK Lemal dan SK Chabang 3, Pasir Mas, Kelantan.

Sasaran sukarelawan UMT menghulurkan bantuan ke kawasan Parlimen Pasir Mas, Kelantan (sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia). UMT perlu memberi bantuan di Kawasan Pasir Mas selaras dengan kawasan angkat UMT iaitu di Kg. Salor. Kawasan tumpuan operasi pasca banjir yang paling utama adalah di premis-premis awam seperti sekolah-sekolah bagi membolehkan sesi pembelajaran berjalan seperti biasa pada 11 Januari 2014 serta masjid-masjid, balai raya, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti dan lain-lain premis.

Hikmah Banjir

Penderitaan mangsa banjir terutama di Kelantan telah mendapat perhatian penuh oleh pihak kerajaan Persekutuan. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, baru-baru ini telah mengumumkan dua model rumah kepada mangsa banjir yang kediaman mereka 100% musnah. Model pertama adalah binaan terus di atas tanah manakal model kedua binaan di atas tiang setinggi 2.44 meter dengan keluasan 660 kaki persegi atau

61.31 meter persegi. Rumah yang dianggarkan berharga RM48,000.00 ini mempunyai tiga bilik tidur, ruang makan, dapur dan ruang tamu. Rumah ini bakal dibina dalam masa 75 hari.

Pengumuman ini bakal memberi sinar baharu buat mangsa-mangsa banjir yang terlibat. Sehingga kini sebanyak 2,600 buah rumah mangsa musnah 100% dan daripada jumlah itu sebanyak 2,374 adalah di Kelantan.

Urusan pelantikan kontraktor akan diuruskan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) manakala urusan pemantauan untuk binaan semula akan dijalankan oleh JKR dan juga Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Sementara itu, kata Timbalan Perdana Menteri, kerajaan memutuskan untuk memberi bantuan sebanyak RM5,000.00



Taklimat pasukan sukarelawan UMT



sehingga RM10,000.00 kepada mangsa yang rumah mereka rosak sebahagian akibat banjir baru-baru ini.

Dalam pada itu, katanya, bantuan RM500.00 kepada mangsa banjir seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan diagihkan selewat-lewatnya akhir bulan Januari. (*Utusan Malaysia*: 21 Januari 2015).

Semoga bantuan yang dihulurkan oleh pihak kerajaan dapat meringankan bebanan yang ditanggung oleh mangsa-mangsa banjir.

Pelajari hikmah di sebalik bencana banjir ini, kejadian bah kuning ini telah membuka mata banyak pihak untuk mengkaji punca dan mencari kaedah penyelesaian terbaik untuk mengatasinya. Universiti Malaysia Terengganu juga tidak ketinggalan dengan

menubuhkan satu kumpulan penyelidikan khas (*Special Interest Group*) yang dinamakan *Coastal Disaster Risk Solution* untuk mengumpul data di kawasan-kawasan yang teruk terjejas akibat

banjir. Penubuhan kumpulan ini diharap dapat merungkai persoalan yang timbul akibat banjir terutama kawasan yang terjejas seperti di Kuala Krai.



MT sebelum memulakan misi bantuan.



Rumah En. Kamarulzaman bin Yahya musnah sama sekali.



Anggota keselamatan sedang giat menjalankan operasi pembersihan Sek. Keb. Manek Urai.

MENTERI PENDIDIKAN II LANCAR KERJASAMA STRATEGIK IPTA-IPTS

oleh: Rabil Sitta Abdul Rahman | Canselor/Penerbit UMT

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberikan saranan agar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) menjalinkan jaringan kerjasama strategik antara satu sama lain. Program flagship KPM iaitu *Public Private Partnership* (PPP) telah

diperkenalkan bagi memberi ruang dan peluang kepada IPTA dan IPTS bekerjasama dalam usaha memperkasa pengajian tinggi di Malaysia.

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Taylor's University telah dipilih sebagai pencetus kepada hasrat kerjasama strategik antara

pendidikan awam dan swasta. Majlis pelancaran Kerjasama Strategik IPTA-IPTS telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan II, YB Dato' Seri Idris bin Jusoh di kampus UMT pada 18 Januari 2015. Pada majlis yang sama, beliau turut menyaksikan upacara menandatangani Memorandum Persefahaman



Upacara menandatangani MoU UMT-Taylor's University.

(MoU) antara UMT dengan Taylor's University. UMT diwakili oleh Naib Canselor, YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Komoo dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar manakala Taylor's University diwakili oleh Naib Canselor dan Presidennya, YBhg. Profesor Dato' Dr. Hassan bin Said. Turut hadir menyaksikan majlis MoU ini ialah Canselor Taylor's University, YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin bin Syed Salim, Pengerusi Lembaga Pengarah UMT, YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Zaharudin bin Idrus dan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sains, Teknologi dan Tugas-tugas Khas Negeri, YB Ghazali bin Taib.

Kerjasama Strategik UMT-Taylor's University

Kerjasama UMT dengan Taylor's University ini akan membuka ruang bagi pertukaran dan pelaksanaan program kerjasama pembangunan staf dan pelajar. Kedua-dua buah universiti juga akan menjalin

perkongsian pengetahuan dan pembangunan program dalam aspek Pengajaran dan Pembelajaran. UMT juga akan bekerjasama dengan Taylor's University untuk mewujudkan kerjasama strategik dalam Kebolehpasaran Graduan (GE). Selain itu, kerjasama strategik ini akan membolehkan UMT dan Taylor's University bekerjasama dalam pengurusan pendidikan, pengantarabangsaan serta mempromosi hubungan industri dan pemindahan ilmu. Kedua-dua buah universiti juga akan bekerjasama dalam penyelidikan dan penerbitan.

Perasmian Bilik i-Champion Space

Selain itu, YB Menteri Pendidikan II juga telah merasmikan Bilik i-Champion Space (i-CLS) di Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (PPDSNZ). Bilik latihan yang dibangunkan pada pertengahan tahun 2014, dengan objektif penubuhannya adalah untuk menggalakkan pembangunan kandungan digital bagi memperkukuhkan lagi sistem pembelajaran digital di

UMT. Di samping itu juga, untuk meningkatkan prasarana ICT ke arah pendigitalan kandungan di UMT. Di awal penubuhannya, ia digunakan untuk melatih staf di jabatan e-Pembelajaran untuk membangunkan kandungan digital dalam pelbagai bentuk termasuk menggunakan teknologi Apple. Bilik i-CLS ini akan digunakan sepenuhnya untuk melatih staf UMT terutama pensyarah UMT bagi membangunkan kandungan pengajaran dan pembelajaran secara digital. Ini seiring dengan pelan strategik UMT dalam teras Pengajaran dan Pembelajaran iaitu; memperkukuh sistem pembelajaran digital dan luar kampus melalui program Pengembangan Pembangunan Kandungan Digital.

iBooks – Aplikasi buku elektronik oleh Apple Inc.

Pada majlis ini juga, YB Menteri telah menyampaikan penghargaan bayaran honorarium kepada dua orang pensyarah UMT yang telah berjaya membangunkan *i-Books* di UMT iaitu Dr. Aqilah Muhammad



Barisan pengurusan tertinggi UMT dan Taylor's University bergambar bersama YB Menteri Pendidikan II, YB Dato' Seri Idris bin Jusoh dan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sains, Teknologi dan Tugas-tugas Khas Negeri, YB Ghazali bin Taib.



YB Menteri Pendidikan II, YB Dato' Seri Idris bin Jusoh menandatangani plak i-CLS.

dan Dr. Wahizatul Afzan Azmi. Masing-masing menerima bayaran sebanyak RM1000.00.

iBooks merupakan aplikasi buku elektronik yang boleh dibangunkan melalui aplikasi '*iBooks Author*' melalui teknologi Apple.

Pembangunan *iBooks* di UMT, telah bermula pada pertengahan tahun 2013 di mana PPDSNZ telah bekerjasama dengan pihak Apple Inc. Malaysia. Pihak Apple telah mengadakan beberapa siri latihan kepada staf jabatan e-Pembelajaran dan beberapa pensyarah yang terpilih. Hasil dari kerjasama ini, empat *iBooks* telah berjaya dibangunkan sepenuhnya, iaitu:

- a. Majalah *Voyages of Discovery (VOD)* - versi 1 dan versi 2 - PPDSNZ



YB Menteri Pendidikan II, YB Dato' Seri Idris bin Jusoh menyampaikan replika cek kepada Dr. Aqilah Muhammad.

- b. *A Basic Field Guide to Macrofungi* – Dr. Aqilah Muhammad
 - c. *A Basic of Red Palm Weevil* – Dr. Wahizatul Afzan Azmi
- UMT merupakan IPTA pertama di Malaysia yang telah berjaya

menerbitkan *iBooks* secara atas talian di *iBooks Store* dalam versi '*free iBooks*'. *iBooks Store* mempunyai 51 negara yang telah didaftarkan termasuk US, UK, Australia dan sebagainya. Pelaksanaan *iBooks* ini dapat



YB Menteri Pendidikan II, YB Dato' Seri Idris bin Jusoh diiringi oleh Naib Canselor UMT menandatangani plak Kompleks Makmal Berpusat UMT.

Januari 2013. Penubuhan ini adalah selaras dengan hasrat Naib Canselor UMT untuk melihat pengurusan fasiliti penyelidikan yang lebih baik dan dinamik. Makmal Berpusat terdiri daripada tiga komponen utama iaitu Pengurusan Kompleks Makmal, Bahagian Pengurusan Kapal & Bot dan Pengurusan Stesen Penyelidikan Luar iaitu:

- a. Stesen Penyelidikan Marin, Pulau Bidong
- b. Stesen Penyelidikan Tanah Bencah, Setiu
- c. Stesen Penyelidikan Penyusutan Chagar Hutang, Pulau Redang

Herbarium Makmal Berpusat

Selepas merasmikan Makmal Berpusat YB Menteri Pendidikan II dibawa melawat Herbarium Makmal Berpusat. Ia merupakan suatu kemudahan penyelidikan yang berfungsi sebagai pusat pengumpulan, penyimpanan dan rekod koleksi secara sistematik. Koleksi herbarium adalah merangkumi berbagai bagai spesies serangga, rumpai laut, dan tumbuhan hutan pantai yang mencecah ratusan spesies.

Keistimewaan koleksi:

- a. Mempunyai koleksi-koleksi rumpai laut yang jarang ditemui.
- b. Mempunyai koleksi serangga dari kawasan hutan dan pesisir pantai Terengganu.
- c. Mempunyai koleksi tumbuhan hutan Pantai yang sangat penting dalam biodiversiti Marin Pesisiran pantai Terengganu.



YB Menteri Pendidikan II, YB Dato' Seri Idris bin Jusoh tertarik melihat pameran oleh pasukan SEATRU UMT.

mengubah landskap pengkongsian kepakaran UMT daripada bersifat fizikal kepada bersifat digital, dari bersifat lokal kepada bersifat global. Ia juga seiring dengan era transformasi digital yang semakin berkembang.

Perasmian Makmal Berpusat UMT

Mengakhiri lawatan rasmi ke UMT, YB Menteri Pendidikan II telah merasmikan Makmal Berpusat UMT. Makmal Berpusat atau *Central Laboratory* telah ditubuhkan pada

EKSPEDISI SAINTIFIK UMT SIRI I- SELAT MELAKA 2015

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melakar sejarah tersendiri dalam bidang penyelidikan marin melalui Ekspedisi Sainifik UMT Siri I-Selat Melaka 2015 yang telah bermula pada 29 Januari 2015 di Kuala Terengganu dan dijangkakan kembali semula pada 2 April 2015.

Ekspedisi pelayaran selama tempoh dua bulan ini akan menggunakan kapal penyelidikan UMT, RV Discovery. Melalui pelayaran ini, pelbagai aktiviti penyelidikan akan dilaksanakan termasuk persampelan, pengumpulan data serta maklumat saintifik berkaitan persekitaran dan ekosistem marin di sepanjang perairan yang dilalui termasuk juga sekitar pulau-pulau di persekitaran.



Ekspedisi pelayaran ini disertai oleh para penyelidik dari UMT dan juga universiti awam yang lain. Ekspedisi ini bertujuan untuk membekalkan platform saintifik kepada pensyarah dan penyelidik UMT untuk tujuan penyelidikan dan pengajaran dalam bidang tujahan sains marin dan kelautan.

Pelayaran ini akan secara tidak langsung mempromosi UMT

sebagai sebuah universiti berfokus ilmu kelautan dan sumber akuatik. Selain itu, pelayaran ini dapat merealisasikan Pelan Strategik UMT dalam projek tambahan hati kepada sekolah-sekolah menengah dan kolej matrikulasi. Program Pelayaran Ekspedisi Sainifik Selat Melaka ini juga merupakan salah satu cara bagi pendedahan mengenai kepakaran dan prasarana UMT kepada pelajar-



Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo mengiringi YAB Menteri Besar Johor, Dato' Seri Mohamed Khalid Nordin ketika perasmian Program Kesedaran Marin Bersama Komuniti Johor.



Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo ketika berucap di Gelang Patah, Johor.

pelajar universiti tempatan untuk mengikuti Sarjana Sains dan Doktor Falsafah dalam bidang sains kelautan di UMT.

Aktiviti mempromosi ekspedisi ini telah diuar-uarkan melalui saluran *Astro Awani* di mana Pengarah Institut Oseanografi dan Sekitaran UMT, Profesor Dr. Zulfigar Yasin merangkap Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Induk Ekspedisi Saintifik UMT Siri I-Selat Melaka 2015 bersama Kapten Mohd Naim Fadzil, Felo Pengajar Utama Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan telah ke udara dan ditemubual.

Pelayaran telah bermula di Kuala Terengganu ini akan singgah di beberapa pelabuhan utama seperti di Pelabuhan Jabatan Laut Wilayah Selatan, Gelang Patah, Johor pada 25 Januari 2015. Semasa berlabuh di pelabuhan ini, turut diadakan Program Kesedaran Marin Bersama Komuniti Johor. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Johor, Dato' Seri Mohamed Khalid Nordin. YAB Menteri Besar Johor dalam



YAB Menteri Besar Johor, Dato' Seri Mohamed Khalid Nordin ketika melawat pameran.

KRONOLOGI PELAYARAN**19 Januari 2015**

Mula belayar di Kuala Terengganu

25 Januari 2015

Pelabuhan Jabatan Laut Wilayah Selatan, Gelang Patah, Johor

31 Januari 2015

Pelabuhan Institut Latihan Pentadbiran dan Pengurusan Pengangkutan Laut, Pulau Indah, Klang

1 Februari 2015Program *Discovery* UMT dan Kesedaran Marin di Klang**6 Februari 2015**

Markas Polis Marin Wilayah 1, Batu Uban, Pulau Pinang

7-9 Februari 2015Program *Discovery* UMT dan Kesedaran Marin di Pulau Pinang**9 Februari 2015**

Majlis MoU UMT-USM

27-28 Februari 2015Jeti Jabatan Laut Tg. Lembong, Langkawi
Program *Discovery* UMT dan Kesedaran Marin di Langkawi**1-2 Mac 2015**

Majlis Perasmian Rakan Alam Marin UMT-KPM

27-28 Mac 2015Pelabuhan Mersing
Program *Discovery* UMT dan Kesedaran Marin di Mersing**2 April 2015**

Kuala Terengganu



ucapannya telah mempelawa UMT untuk membuka cawangannya di negeri Johor. "Saya mempelawa Universiti Malaysia Terengganu (UMT) membuka kampus di Johor bagi mengembangkan kajian berkaitan marin kerana Johor mempunyai pesisir pantai yang panjang serta dikelilingi lautan dan banyak pulau di Johor sekali gus boleh dijalankan pelbagai kajian. Kajian nanti boleh membantu kita mendahului dalam teknologi berkaitan marin. Biar kita mendahului orang lain dalam bidang ini, bukan hanya meniru Barat"- Dato' Seri Mohamed Khalid Nordin, Menteri Besar Johor.

Pada 31 Januari 2015, Majlis Pelancaran Ekspedisi Saintifik UMT Siri I-Selat Melaka 2015 telah

disempurnakan oleh Pro-Canselor UMT, YBhg. Tan Sri Samsudin Osman di Pelabuhan Institut Latihan Pentadbiran dan Pengurusan Pengangkutan Laut, Pulau Indah, Klang. Majlis pelancaran ini turut dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMT, YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Ahmad Zaharudin Idrus, Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo serta Pegawai-pegawai Utama dan Pegawai-pegawai Kanan UMT. Turut diadakan Program *Discovery* UMT dan Kesedaran Marin untuk komuniti di sekitar Klang.

Pada 6 Februari 2015, kapal RV Discovery telah selamat berlabuh di Markas Polis Marin Wilayah 1, Batu Uban Pulau Pinang. Sempena dengan pelayaran ini telah diadakan



Pro-Canselor UMT, YBhg. Tan Sri Samsudin Osman melancarkan Ekspedisi Saintifik UMT Siri I-Selat Melaka 2015 di Klang.

Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara UMT dengan Universiti Sains Malaysia pada 9 Februari 2015.

Sebelum kembali ke Kuala Terengganu, RV Discovery akan singgah berlabuh di Pelabuhan Mersing, Johor pada 27 hingga 28 Mac 2015. Ekspedisi Saintifik UMT Siri I-Selat Melaka 2015 dijangkakan sampai di Kuala Terengganu pada 2 April 2015.



BUKU *KEROPOK LEKOR TERENGGANU* MENANG BUKU UMUM TERBAIK ANUGERAH BUKU NEGARA

oleh: Rabil Sitta Abdul Rahman | Canselori-Penerbit UMT



Prof. Madya Dr. Noraien Mansor bersama Anugerah Buku Umum Terbaik (Kategori Khazanah Warisan) yang dimenangkinya.



Buku *Keropok Lekor Terengganu* tulisan Prof. Madya Dr. Noraien Mansor terbitan Penerbit UMT telah dipilih bagi memenangi Anugerah Buku Umum Terbaik (Kategori Khazanah Warisan) di Anugerah Buku Negara Tahun 2014. Kemenangan ini merupakan kemenangan kedua buat penulis dan Penerbit UMT di mana tahun sebelumnya UMT dipilih memenangi Anugerah Buku Mewah Terbaik.

Buku *Keropok Lekor Terengganu* adalah dokumentasi khas warisan kebanggaan masyarakat negeri Terengganu Darul Iman. Industri keropok lekor merupakan salah satu daripada industri yang berkembang pesat di negeri Terengganu. Namun tidak ramai yang tahu bagaimana ianya di proses, bermula sebagai isi ikan hingga ia dijadikan hidangan yang enak untuk dimakan. Buku *Keropok Lekor Terengganu* merungkai proses penghasilan keropok lekor di Terengganu, daripada lokasi pendaratan ikan hinggalah ke peringkat pemasaran di peringkat global. Buku ini juga memberi tumpuan kepada hasil penyelidikan penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berkaitan industri keropok lekor di Terengganu. Bertepatan dengan hasrat kerajaan dan negara Malaysia untuk menjadi hab halal dalam bidang pemakanan, penerbitan buku ini dilihat sebagai menyahut hasrat murni kita untuk meneroka pasaran global.



Prof. Madya Dr. Noraien Mansor menerima Anugerah Buku Umum Terbaik (Kategori Khazanah Warisan).

“...penulis patutlah diberikan galakan seperti hadiah-hadiah penulisan. Dalam konteks ini galakan patut diberikan kepada kumpulan (Persatuan Penulis, Persatuan Penterjemah, Persatuan Bahasa, Persatuan Sejarah dan Universiti) untuk menganjurkan hadiah-hadiah penulisan pelbagai rupa. Di samping itu, Majlis Buku Kebangsaan sendiri patut melengkapi hadiah-hadiah yang telah sedia ada.”- Perkara 2(c), Tenaga Penulis Tempatan, Dasar Buku Negara

Majlis Penyampaian Anugerah Buku Negara 2014 anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) telah berlangsung pada 10 Disember 2014 bertempat di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Penasihat Sosio-Budaya Kerajaan Malaysia merangkap Penaung Kehormat Yayasan Pembangunan Buku Negara, YBhg. Tan Sri Dato’ Seri Utama Dr. Rais Yatim. Turut hadir ialah Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato’ Dr. Haji Awang Sariyan, Ketua I Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA), Profesor Datuk Wira Dr. Abdul Latif Abu Bakar dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Tn. Haji Hasan Hamzah.

YBhg. Tan Sri Dato’ Seri Utama Dr. Rais Yatim dalam perutusan buku cenderamata memberikan kenyataan berikut; “Kesungguhan

melestarikan industri buku dengan program terancang dapat memberi impak dalam menggerakkan budaya ilmu masyarakat di negara ini. Saya percaya perkembangan budaya ilmu adalah selaras dengan matlamat kerajaan memperkasakan ‘modal insan’ ke arah Malaysia negara maju. Usaha ini seharusnya menjadi rangsangan kepada semua pihak yang berkecimpung dalam industri buku.”

Semoga kemenangan buku Keropok Lekor Terengganu ini akan memberi inspirasi kepada warga UMT yang lain khususnya warga akademik UMT untuk menghasilkan buku terbitan ilmiah berdasarkan bidang penyelidikan masing-masing yang bakal menjadi rujukan kepada komuniti setempat dan juga masyarakat umum. Ini selaras dengan teras ke-5 UMT iaitu Teras Memacu Pemindahan Ilmu, di mana

penerbitan bahan ilmiah ini secara tidak langsung dapat menaikkan citra UMT di mata masyarakat umum.

Seperti mana kata YBhg. Tan Sri Dato’ Seri Utama Dr. Rais Yatim, “Era ledakan teknologi maklumat memerlukan ilmu sebagai kompas hidup. Untuk berjaya di dunia kita perlukan ilmu dan untuk berjaya di akhirat juga kita perlukan ilmu. Ibadah kita mesti dilaksanakan dengan ilmu agama yang betul dan usaha kita mencari rezeki seharian juga memerlukan daya fikir yang bertepatan. Walaupun terdapat ledakan teknologi maklumat dan internet jalur lebar berkelajuan tinggi tetapi ilmu tetap berpaksi dengan buku sama ada yang bercetak atau atas talian yang dikenali sebagai e-book.”

FORENSIK BANJIR NAIB CANSELOR UMT MENYUSURI SUNGAI KELANTAN



Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo telah turun padang bersama penyelidik UMT yang lain bagi menjalankan forensik banjir menyusuri Sungai Kelantan dari Kuala Krai hingga ke daerah Dabong pada 22 Februari 2015. Turut serta mengiringi beliau ialah Pengarah Makmal Berpusat UMT, Prof. Madya Dr. Mohammad Fadli Ahmad.

Prof. Madya Dr. Mohammad Fadli Ahmad juga merupakan salah seorang penyelidik yang terlibat dengan Kumpulan Penyelidikan Coastal Disaster Risk Solution (CDRS) yang sedang giat menjalankan beberapa siri tinjauan dan pengumpulan data mengenai kawasan yang terjejas teruk akibat banjir.



RENUNGAN

Ibadah yang Sia-sia

Syarat penerimaan sesuatu ibadah antaranya adalah bersih daripada unsur riyak (menunjuk-nunjuk) serta menepati sunnah Rasulullah SAW. Mereka yang melakukan ibadah bertujuan agar dilihat oleh orang ramai maka amalannya akan menjadi sia-sia sahaja. Larangan ini jelas dinyatakan Allah dalam al-Quran;

“Sesungguhnya orang-orang munafik itu menipu Allah (dengan perbuatan pura-pura beriman sedang mereka kafir pada batinnya) dan Allah akan membalas tipu daya mereka (dengan membiarkan mereka dalam keadaan munafik). Setiap kali mereka berdiri mengerjakan solat, mereka berdiri dalam keadaan malas. Mereka (hanya bertujuan) riyak (menunjuk-nunjuk) kepada manusia (supaya mereka disangka orang yang beriman) dan mereka pula tidak mengingati Allah melainkan sedikit sahaja” – Surah al-Nisa’:142

Begitu juga jika seseorang melakukan sesuatu ibadah bertujuan agar amalannya itu diceritakan atau bacaannya didengari oleh orang ramai. Perbuatan tersebut diberi peringatan oleh Rasulullah SAW sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas RA katanya;

“Sesiapa melakukan sum’ah (supaya perbuatannya didengar oleh orang lain) Allah pasti memperdengarkan aibnya kepada orang ramai. Sesiapa yang melakukan perbuatan semata-mata untuk riyak (menunjuk-nunjuk), Allah pasti akan pameran aibnya kepada orang ramai.”- Hadis Riwayat Muslim, jld 4.

Ikhlasikan segala amal ibadat kerana Allah SWT. Kerana dengan ikhlas sahaja segala amalan kita akan diterima walaupun amalan tersebut sedikit dan kecil di sisi manusia namun ianya sangat besar di sisi Allah SWT, Tuhan yang maha adil lagi saksama.

oleh:

Tn. Hj. Riswadi bin Azmi
Bahagian Hal Ehwal Islam dan Kerohanian
Universiti Malaysia Terengganu



UMT MENYUSURI KEUNGGULAN

Pengarang : Ibrahim Komoo
dan Mohd Ikmar Nizam Mohamad Isa
ISBN : 978-967-0524-68-9
Tahun : 2014
Sinopsis :

Universiti Malaysia Terengganu - Menyusuri Keunggulan merupakan sorotan perjalanan membina budaya dan tradisi ilmu yang penuh dengan ranjau dan peluang melalui lensa fotografi yang diabadikan oleh saudara MOKHTAR ISHAK, seorang warga UMT yang telah mengikuti perkembangan sejak awal penubuhannya. Sementara itu, penceritaan denai ke arah keunggulan dipaparkan berasaskan kepada sejarah, kepimpinan, pembangunan prasarana, fungsi utama, bakat akademik dan pelajarnya.



MUD CRABS OF SETIU WETLANDS

Editor : Mhd Ikhwannudin, Abol Munafi
and Mohd Azmi Ambak
ISBN : 978-967-0524-77-1
Year : 2014
Synopsis :


Mud Crabs of Setiu Wetlands's book display the biological and fishery information of mud crab in Setiu Wetland which is a significant ecosystem for breeding and nesting ground for many important aquatic resources. This book is also among the output of the Niche Research Grant Scheme (NRGS) that has been awarded to UMT recently.



SENGKETA BAHASA DALAM PENERBITAN ILMIAH

Pengarang : Noraien Mansor dan Noor Rohana Mansor
ISBN : 978-967-0524-75-7
Tahun : 2014
Sinopsis :

Keupayaan penulisan dan penerbitan ilmiah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai wahana penyampaian ilmu merentas bidang telah terbukti kukuh dan mantap. Bahasa Melayu telah mencapai status bahasa ilmu tinggi tanpa was-was malah seharusnya generasi akademia kini meneruskan kesinambungan berkarya dengan yakin menggunakan bahasa Melayu dalam menyampaikan ilmu menerusi kepakaran dalam bidang mereka. Sengketa Bahasa dalam Penerbitan Ilmiah Bahasa Melayu menerobos polemik bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi yang masih tersisa dalam kalangan ilmuwan negara.



ENHANCING COMMUNICATION

Authors : Noraien Mansor, Nina Marlina Ahmad,
Suria Hani Ibrahim, Wan Nurhafa Wan Salam,
Husna Nurul Izzah Jamaluddin@Noordin
and Mohd Zulkanain Mamat
ISBN : 978-967-0524-61-0
Year : 2014
Synopsis :

Let's Talk and Let's Go Global programme is an English language learning programme that aids the students in enhancing their communication skills through various communicative activities and various mode of learning. This monograph investigates whether the implementation of communicative approach and the usage of variety of familiar medium in an English language classroom have an effect on the students' speaking performance. Let's Talk and Let's Go Global programme adopted multi-pronged approach as it used several platforms as mode of learning namely classroom lessons, Facebook interaction, online learning portal, e-mailing and English language slot on local radio station. It is proven that by encouraging the students to be actively involved in their medium communication of their choice but through the use of English language, students can be more motivated and reduce their anxiety in using the second language.